


**Jilid II
Bil. 28**



MALAYSIA

**Hari Khamis
16hb Oktober, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA
*Second Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3683]**

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3714]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan)
[Ruangan 3714]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N. A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJID BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, s.m.s. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, s.p.d.k. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb Oktober, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KES PENIPUAN BAKAL HAJI

1. Tuan Hussein bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang terdapat sekurang-kurangnya 30 orang dari Kelantan yang bertujuan hendak menunaikan fardzu Haji ke Mekah pada tahun ini telah ditipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap orang-orang yang terlibat menipu tersebut dan apakah usaha-usaha yang dijalankan supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Menteri Tak Berportfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji hanya menyedari di antara 25 hingga 30 orang dari Kelantan yang bertujuan hendak menunaikan fardzu Haji ke Mekah pada tahun ini telah ditipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab berdasarkan keterangan dari 2 orang daripada mereka yang telah membuat laporan kepada Pejabat Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Kota Bharu.

Mereka yang telah melaporkan perkara ini kepada pihak Polis. Dengan demikian, sehingga pihak Polis selesai membuat siasatan lanjut tidaklah dapat diberitahu apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap orang-orang yang terlibat menipu itu.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengambil langkah-langkah berikut supaya perkara penipuan seperti itu tidak akan berlaku lagi:

- (1) Menjalankan penerangan yang menyeluruh khasnya di kawasan-kawasan luar bandar dengan memberitahu bakal-bakal haji supaya mereka menunaikan fardzu Haji melalui anjuran Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja;
- (2) Mengambil tindakan mahkamah ke atas sesiapa yang menjalankan urusan mengatur perjalanan udara ke Mekah bagi maksud menunaikan Haji tanpa kelulusan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap beberapa tahun yang lepas peristiwa yang sama telah berlaku. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah di antara langkah-langkah yang mungkin diambil oleh Kementerian beliau termasuk juga pertimbangan untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Arab Saudi supaya tidak membenarkan sebarang visa untuk melawat Arab Saudi pada musim Haji kepada warganegara Malaysia yang tidak mengikut saluran Tabung Haji untuk masa-masa hadapan?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini tadi iaitu setengah daripada langkah-langkah yang difikirkan positif yang boleh mengelak perbuatan penipuan seumpama ini adalah dengan memberi keterangan atau makluman kepada seluruh rakyat di negara kita ini.

Menyentuh pertanyaan yang dibangkitkan mengenai dengan perkiraan dengan Kerajaan Saudi Arabia, ini telahpun dibuat oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk menjaga supaya orang-orang yang pergi ke

sana dengan sewenang-wenangnya sahaja tidak dapat visa tanpa mendapat kebenaran daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah benar orang yang menipu orang-orang Islam untuk menunaikan fardzu Haji ini terdiri daripada seorang pemimpin Parti Islam, dan jika benar, adakah pemimpin ataupun si penipu itu dapat dikesan oleh Polis selama ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir tidak perlu dijawab, Yang Berhormat.

KENAIKAN HARGA PETROL/ DIESEL/ MINYAK TANAH

2. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebabnya bagi kenaikan harga petrol, diesel dan minyak tanah yang baru-baru ini dan juga jumlah kadarnya kenaikan harga ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, bekalan barang-barang petroleum

di negara ini datangnya dari dua sumber utama, iaitu dari kilang-kilang penapis tempatan yang menapis minyak-minyak mentah dan kedua ialah barang-barang petroleum yang diimport dari luar negeri khususnya Singapura. Sumber pertama dan kedua masing-masing membekalkan sebanyak 65% dan 35% daripada jumlah keperluan dalam negeri. Bagi barang-barang petroleum yang ditapis dalam negeri, sebab utama kenaikan harganya pada bulan Ogos tahun ini ialah kenaikan kos minyak mentah yang diimport, dan bagi barang-barang petroleum yang diimport sebab utama kenaikan harganya ialah kenaikan harga posting iaitu kos barang-barang petroleum yang telah diproses di Singapura. Selain daripada dua faktor di atas, kenaikan harga barang petroleum baru-baru ini adalah juga disebabkan kenaikan dalam kos pemerosesan, kos pengangkutan dan kos pemasaran.

Kalau dibandingkan dengan harga baru barang-barang petroleum yang berkuatkuasa mulai 16hb Ogos, 1980 dengan harga yang sebelumnya, kadar kenaikan adalah seperti berikut:

	<i>Harga Lama</i> (Mulai 25-4-80)	<i>Harga Baru</i> (Mulai 16-8-80)	<i>Kadar</i> <i>Kenaikan</i>	<i>Peratusan</i> <i>Kenaikan</i>
(Ringgit bagi 1 gelen)				
Premium Petrol	4.04	4.63	0.59	14.60%
Regular Petrol	3.82	4.40	0.58	15.18%
Minyak Tanah	1.60	1.80	0.20	12.50%
Minyak Diesel	1.62	1.80	0.18	11.11%

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab-sebab yang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk menaikkan harga minyak ini ialah seperti mana kenyataan Timbalan Menteri ialah kerana syarikat-syarikat minyak didapati menanggung kerugian dan Kerajaan memberi pertimbangan ke atas kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat minyak itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerugian yang dikatakan itu merupakan susutan keuntungan ataupun susutan modal, kerana bagi syarikat-syarikat minyak ini kalau sekiranya keuntungan yang mereka dapati itu kurang, mereka menganggap ini juga sebagai satu kerugian, kalau sekiranya mereka mendapat keuntungan \$100 juta maka kalau sekiranya pada tahun yang

berikutnya mendapat \$90 juta juga dianggap sebagai kerugian. Jadi dalam bentuk apakah kerugian itu, sama ada susutan untung ataupun susutan modal?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada satu faktor yang penting yang ditimbang apabila kenaikan harga itu diputuskan ialah keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat minyak dalam urusan perniagaan minyak itu dan kitapun telah meneliti akaun-akaunnya, yang mana telah didapati bahawa cuma pada 6 bulan pertama tahun 1980 ada satu syarikat yang terbesar sekali telah rugi \$57 juta; ada juga yang rugi \$17 juta dan lagi satu \$9 juta. Ada 3 buah lagi syarikat keuntungan telah turun yang mana

dahulu barangkali untung \$20-\$30 juta, sekarang cuma untung \$3 juta dan ada satu lagi \$1.5 juta. Jadi ini ialah kerugian benar.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah Kerajaan boleh memberikan jaminan, oleh sebab PETRONAS telahpun memainkan peranan yang lebih aktif dari segi pengeluaran minyak dan juga dengan sebab adanya dasar pengeluaran minyak yang telahpun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa harga minyak petrol dan diesel pada masa-masa yang akan datang akan lebih stabil lagi.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang benar PETRONAS akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam kegiatan pemerosesan dan juga pengedaran barang-barang petrolium tetapi barang-barang petrolium yang dikeluarkan oleh PETRONAS tidak dapat diedarkan kepada pasaran sebelum tahun 1984. Jadi pada masa ini banyak bekalan bergantung daripada harga minyak mentah dan jika harga minyak mentah itu tidak stabil yang akan mengakibatkan pasaran barang-barang petrolium ini juga kurang stabil.

Tuan Lee Kaw: Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan walaupun beliau sedar ada satu syarikat minyak di sini kerugian \$57 juta tetapi adakah beliau sedar syarikat minyak antarabangsa di Ibu Pejabat melaporkan berapa kali ganda keuntungan ada ditambah. Jikalau sedar, sebab apa syarikat di Malaysia sehingga hari ini tidak beri minyak diesel yang mencukupi kepada retail outlet.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat minyak yang menguruskan pemasaran barang-barang petrolium ini memangnyalah syarikat multi-national dan sungguhpun ada memperoleh keuntungan di Ibu Pejabat atau cawangan di negara lain tetapi dipandang dari segi syarikat yang berurus di Malaysia, syarikat itu mesti menunjukkan keuntungan, kalau tidak, kita khuatir, kalau dia rugi, dia terpaksa tutup dan jika ditutup tidak boleh menyerap kerugian itu, bekalan kepada negara ini akan putus yang mana ini akan mengakibatkan keadaan yang lebih buruk. Saya pun tidak

faham kenapa lagi ada kekurangan bekalan diesel. Mengikut laporan yang didapati di Kementerian saya ini dalam satu dua bulan yang lalu tidak ada laporan mengenai kekurangan diesel.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI—BIMBANG

3. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sumbangan usaha yang dibuat oleh Kementeriannya dalam bimbingan dan kebajikan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi keutamaan Kementerian saya untuk memberi bantuan-bantuan yang perlu kepada rakyat Malaysia yang ada di seberang laut, terutama sekali penuntut-penuntut, sama ada mereka di bawah anjuran Kerajaan ataupun per-sendirian. Kesemuanya perwakilan-perwakilan kita di luar negeri merupakan satu jentera Kerajaan kita yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk mengendalikan tanggungjawab-tanggungjawab Kerajaan bagi menjaga kepentingan-kepentingan rakyat kita di seberang laut.

Mengenai sumbangan-sumbangan yang tertentu, perwakilan-perwakilan kita di seberang laut telah berusaha untuk mengikuti kemajuan dan kebajikan penuntut-penuntut kita. Seajar dengan ini pejabat-pejabat kita adalah terbuka setiap masa. Kita juga menyebarkan maklumat-maklumat dan terbitan-terbitan peranan semasa mengenai Malaysia. Dengan seberapa yang boleh pegawai-pegawai kita juga melawat penuntut-penuntut di kampus mereka untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Perlu saya menerangkan bahawa di samping adanya perwakilan-perwakilan kita Kerajaan telah juga menghantar atase-atase pelajaran serta menubuhkan jabatan-jabatan khas untuk hal ehwal penuntut di beberapa tempat yang dianggap perlu dan di mana bilangan penuntut adalah ramai. Dalam konteks ini Kerajaan sentiasa menilai keperluan sama ada pejabat-pejabat penuntut baru perlu dibuka ataupun kakitangan-kakitangan yang sedia ada perlu ditambah atau tidak. Ketua-ketua Perwakilan kita di negara-negara

tertentu sentiasa mengambil tahu tentang hal ehwal penuntut di tempat-tempat tersebut, kerana mereka mempunyai perhubungan-perhubungan rasmi dan saluran-saluran diplomatik tertentu dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan yang boleh digunakan sekiranya perlu untuk menyelesaikan masalah-masalah penuntut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari Australia dan New Zealand di mana saya ada berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia yang ada belajar di Australia dan New Zealand dan satu sungutan atau komplek daripada pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand ialah bahawa pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri atau Malaysian Students Department (MSD) lebih minat untuk menjaga kepentingan pelajar-pelajar sponsored oleh Kerajaan dan tidak begitu berminat untuk mengambil perhatian mengenai kebajikan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar private—yang terbanyak ialah pelajar-pelajar private di Australia dan New Zealand—dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan membuat satu siasatan dan arahan bahawa semua pelajar-pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand boleh mendapat layanan yang sewajarnya, yang adil daripada pihak yang berkenaan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali suka juga saya menyatakan di sini bahawa masalah layanan boleh dikatakan pihak pegawai-pegawai kita di seberang laut sentiasa tidak mengabaikan. Soalnya sama ada dari pihak pelajar suka mendampingi diri dengan pegawai-pegawai kita. Kadang kala ada communication gap yang mana mereka tidak mengunjungi pegawai-pegawai. Jadi bagaimana pegawai kita hendak mengetahui masalah mereka kalau mereka datang ke Kedutaan kita yang sentiasa terbuka barangkali kita dapat menyelesaikan masalah ini. Walau bagaimanapun, pengesyoran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai kebajikan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri dan peranan Kementerian Luar Negeri. Dalam bulan lepas—lebih kurang begi-ulah, kedengaran mengenai seramai 150 orang penuntut-

penuntut Malaysia telah mengalami sedikit kesusahan di Kanada. Soalan saya bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan memberi tahu kenapakah perkara ini berlaku dan apakah telah terjadi kepada penuntut-penuntut tersebut sehingga hari ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya masalah kenapa perkara ini berlaku sudah tidak perlu oleh sebab masalah ini sudah selesai. Pendek kata semua pihak termasuk pegawai-pegawai Kementerian kita di Ottawa telah bersama-sama dengan pihak Kerajaan Provincial dan Federal Canada bekerja keras bagi menyelesaikan masalah ini. Mengikut laporan yang kita terima daripada perwakilan kita di Ottawa penuntut-penuntut ini sudahpun belajar sebagaimana yang dikehendaki. Jadi saya rasa tidak usahlah kita ungkit-ungkit kenapa dan fasal apa.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa Kementerian beliau selain daripada memberi bantuan kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, Kementerian juga ada memberi bantuan-bantuan yang perlu kepada rakyat Malaysia yang berada di seberang laut. Di sini suka saya bertanya Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pada masa kini ada ramai pekerja-pekerja Malaysia yang tersadai di Iraq berikutan perang di antara Iraq dengan Iran, dan jika beliau sedar, saya suka mendapat tahu apakah langkah Kementerian beliau akan ambil untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja Malaysia dapat kembali ke Malaysia dengan selamatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya khas untuk penuntut. Jadi itu luar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu Dewan bagaimana Kementerian Luar Negeri boleh memberi bimbingan dan bantuan kebajikan kepada penuntut-penuntut Malaysia di New Zealand khususnya di Wellington dan Auckland apabila Pesuruhannya Tinggi Malaysia ada diharamkan daripada kampus-kampus Universiti Wellington dan kampus-kampus Universiti Auckland oleh Students Union kedua-dua universiti itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu ulang soalan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalannya bagaimana Kementerian Luar Negeri boleh memberi bimbingan dan bantuan kebajikan kepada penuntut-penuntut Malaysia di New Zealand khususnya di Wellington dan di Auckland apabila Pesuruhanjaya Tinggi Malaysia (Malaysian High Commission) di New Zealand ada diharamkan daripada kampus-kampus Universiti Wellington dan kampus-kampus Universiti Auckland oleh persatuan-persatuan pelajar kedua-dua universiti tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bangkitkan kepada soal asal lagi. Masalahnya saya rasa kalaulah pelajar-pelajar yang mempunyai masalah sanggup menemui pegawai-pegawai kita termasuk Suruhanjaya kita sendiri, saya rasa masalah ini dapat diselesaikan. Jadi perkara yang timbul pada hari ini ialah pelajar-pelajar sendiri tidak mahu mendekati Suruhanjaya kita dan pegawai-pegawai kita, jadi susahlah bagi pihak kita hendak memberi penerangan. Kadangkala bila kita adakan perjumpaan, perjumpaan ini biasanya dianjurkan oleh penuntut-penuntut, tetapi jikalau perjumpaan ini dianjurkan oleh golongan yang bukan penuntut maka penuntut itu sendiri tidak mahu hadir. Ini masalah yang kita hadapi pada hari ini. Jadi saya rasa elok Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat yang selalu mengunjungi Australia dan New Zealand memberi tahu kepada penuntut-penuntut ini untuk mereka mendampingi pegawai kita dan High Commissioner kita sendiri moga-moga dapat diselesaikan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu, belum duduk lagi Yang Berhormat itu sudah bangun. Kalau begitu penuntut-penuntut ini menerima bimbingan dan usaha kebajikan daripada Pesuruhjaya Tinggillah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, inilah pertama kali saya baru balik daripada Australia bukan hari-hari atau selalu pergi Australia dan New Zealand. Tetapi masalah soalan saya mahu—bukan general tetapi tumpukan kepada masalah di Auckland dan di Wellington di mana saya kata tadi ada ber-

laku beberapa tahun pengharaman kepada Suruhanjaya Tinggi daripada kampus-kampus University Wellington dan University Auckland. Apa yang berlaku tindakan ini menunjukkan bahawa tidak ada keadaan kepercayaan (confidence) antara pelajar-pelajar Malaysia dengan Pesuruhanjaya Tinggi dan bahkan ini satu masalah yang mana perlu satu approach yang baru untuk mengembalikan kepercayaan yang perlu wujud antara pelajar-pelajar Malaysia dan Suruhanjaya Tinggi. Apa tindakan telah diambil untuk mengatasi stalemate ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil ingatan.

CUKAI PEMBANGUNAN— PENGECCUALIAN

4. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar akibat inflasi harga semangkuk mee telah naik dari 50 sen kepada \$1.20; jika ya, nyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk mengkaji semula cukai pembangunan yang dikenakan ke atas penjaja-penjaja dengan tujuan menambahkan pengecualian cukai yang diberi kepada mereka dari \$3,000 kepada satu angka yang lebih realistik.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kenaikan harga barang-barang termasuk harga makanan benar-benar telah berlaku. Tetapi sebagaimana yang semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia mengetahui inflasi dialami bukan sahaja di Malaysia bahkan di merata dunia.

Mengenai kajian ke atas had pengecualian cukai pembangunan, suka saya memaklumkan bahawa adalah menjadi tugas Kementerian saya ini untuk mengkaji sentiasa setiap masa segala jenis cukai bagi menentukan sama ada wajar atau tidak sesuatu perubahan dilakukan ke atas mana-mana jenis cukai.

SOALAN NO. 5 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Saya diberitahu iaitu soalan nombor 5 Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad telah menarik balik soalan ini.

PARTI POLITIK BERDAFTAR

6. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa buah Parti Politik yang didaftarkan antara tahun 1940 hingga 1957;
- (b) berapa buah Parti Politik yang didaftarkan selepas tahun 1957 hingga hari ini; dan
- (c) berapa buah semua Parti Politik masih sah pendaftarannya dan sedang bergerak di Semenanjung Malaysia sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, perangkaan yang dikehendaki adalah seperti berikut:

- (a) 19.
- (b) 43.
- (c) 25.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Haji Abu Bakar bin Umar.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

LAWATAN MENTERI LUAR KE VIETNAM

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar bahawa beliau pernah tidak diiktirafkan oleh Kerajaan Vietnam sebagai wakil negara-negara Asean dan diterima sebagai wakil Kerajaan Malaysia, kalau ini betul dan benar tidakkah bererti dengan pemergian beliau ke Hanoi tempoh hari memberi satu keadaan yang tidak baik kepada pertubuhan Asean itu sendiri. Adakah beliau bersetuju dengan kenyataan Menteri Luar Singapura baru-baru ini yang bahawa Kerajaan Vietnam tidak dapat dipercayai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dimaklumkan kepada Dewan ini di sesi yang

lalu, lawatan Yang Mulia Menteri Luar Malaysia ke Hanoi pada bulan Januari lepas adalah sebagai Menteri Luar Malaysia dan atas undangan dari Kerajaan Vietnam. Di samping itu sempena kedudukan beliau pada masa itu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN, pihak ASEAN telah mengizinkan beliau mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada Vietnam kedudukan ASEAN dalam beberapa masalah yang berkaitan dengan rantau ini, terutamanya masalah di Kampuchea dan sempadan Thai/Kampuchea serta masalah pendatang haram Vietnam. Bahawa soalan beliau tidak diiktirafkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN dan lawatan itu telah memberi satu keadaan yang tidak baik kepada pertubuhan ASEAN tidaklah berbangkit. Sebaliknya lawatan itu adalah berguna untuk membuka channel perhubungan dengan Vietnam dalam usaha kita untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea. Walaupun ada perbezaan pendapat antara ASEAN dengan Vietnam atas perkara pokok, iaitu masalah Kampuchea tetapi dalam hal-hal yang lain, terutamanya perkara pendatang-pendatang haram Vietnam, negara itu telah memberi jaminan kepada beliau bahawa ia akan terus bekerjasama dalam usaha mencegah penghijrahan keluar secara haram orang-orang Vietnam seperti yang telah dipersetujuinya di Geneva. Penting juga dinyatakan di sini bahawa Vietnam telah menyatakan buat pertama kalinya semasa lawatan beliau itu kesediannya untuk menggunakan Deklarasi KUALA LUMPUR 1971 berkenaan kawasan aman, bebas, dan berkecuali Asia Tenggara, sebagai asas perbincangan untuk mewujudkan keadaan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Akhirnya biarlah saya tegaskan sekali lagi bahawa adalah menjadi dasar Malaysia akan sentiasa mencari penyelesaian bagi pertikaian antarabangsa dengan cara damai. Oleh itu, saluran dialog antara Vietnam dan Malaysia tetap terbuka.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam lawatan Yang Berhormat Menteri Luar ke Vietnam adakah suatu perbincangan ditimbulkan di mana pihak Vietnam ada menyatakan tentang keraguan sikap keikhlasan Kerajaan Malaysia mengenai soal prinsip pengiktirafan ke atas Kampuchea di mana prinsip itu dikatakan

bahawa Kerajaan Malaysia tidak mahu mengiktiraf sebuah Kerajaan yang dibentuk oleh kuasa asing, tetapi apa yang telah ditimbulkan ialah bahawa Kerajaan Malaysia juga pernah mengiktiraf Kerajaan Lon Nol yang dibentuk oleh Amerika Syarikat. Jadi pendirian dan sikap ini diragukan atau Kerajaan Vietnam meragukan tentang keikhlasan Malaysia mengenai masalah prinsip itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah prinsip ini saya rasa tidak ada apa-apa cacat cederanya, prinsip ini sememangnya betul iaitu kita tidak akan menyokong mana-mana negara kuasa besar yang cuba hendak menindas ataupun cuba hendak menunjukkan kuasa ataupun memberi satu arahan kepada negara kecil, lebih-lebih lagi dalam masalah ini kita ketahui bahawasanya apa yang berlaku ke atas Kampuchea dari segi penubuhan sebuah Kerajaan boneka Heng Samrin itu adalah hasil ataupun akibat daripada kuasa besar yang cuba hendak menunjukkan kekuatannya. Jadi dari segi prinsip itu, prinsip yang kita tidak mahu kuasa besar menunjukkan satu sikap bahawa mereka boleh membuat sesuatu sesuka hatinya. Jadi masalah itu saya sudah nyata dan di atas prinsip itulah juga kita berjaya di Bangsa-bangsa Bersatu pada baru-baru ini yang mana kita telah mendapat undi yang banyak untuk mengekalkan Regim Pol Pot ataupun Kerajaan Demokratik Kampuchea pada hari ini menduduki kerusi di Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi, saya rasa soal Ahli Yang Berhormat tadi boleh dikatakan jawapannya saya rasa terkandung dalam apa yang saya perkatakan tadi.

BEKALAN AIR PAIP

8. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan mengikut rancangan Kerajaan, pada tahun apakah kesemua rakyat Malaysia boleh mengharapkan supaya mendapat bekalan air paip.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk membekalkan air kepada semua rakyat di negara ini. Kerajaan telah

dan sedang mengambil tindakan positif untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam perkembangan yang telah dicapai dari tahun-tahun kebelakangan ini, Kerajaan yakin bahawa matlamat itu akan tercapai. Kerjakerja pelaksanaan sedang giat dijalankan dan angka-angka telah menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada rakyat negara ini telahpun menikmati kemudahan bekalan air misalnya pada tahun 1975 45.8% rakyat telah dapat menikmati kemudahan yang mana melibatkan 86% rakyat di kawasan-kawasan bandar dan 40% rakyat di luar bandar. Keadaan ini telah meningkat pada tahun 1980 di mana 90.7% rakyat di bandar dan 47.2% rakyat di luarbandar akan menikmati kemudahan yang sama dan dijangka menjelang tahun 1985 angka tersebut akan meningkat lagi kepada 94.4% bagi rakyat di bandar dan 62.2% rakyat di luarbandar akan dapat dibekalkan dengan kemudahan air. Dengan perkembangan yang pesat seperti yang tersebut di atas Kerajaan yakin bahawa selepas tahun 2005 hampir 100% rakyat negara ini akan dapat dibekalkan dengan kemudahan air.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 2005 apakah akan terjadi kepada kita di dunia ini belum tahulah (*Ketawa*) tetapi saya ingin tahu sama ada daripada projek Kerajaan berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi 45% penduduk ataupun manusia sudah menikmati bekalan air paip. Saya ingin tahu sama ada dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini akan datang yang akan mengambil kira permintaan (demand) daripada penduduk-penduduk di luarbandar di Sarawak dan juga kalau ada 45% ini mungkin banyak daripada angka itu adalah dari Semenanjung tetapi begitu kurang di Sarawak menikmati bekalan air paip yang bersih dan jernih termasuk kawasan saya sendiri, sama ada Sarawak akan diberikan keutamaan dari segi menambahkan bekalan air paip di kawasan luarbandar dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada pertanyaan itu jawapannya telah diberi tahu tadi iaitu meningkat kepada 62%

mengikut penjelasan Menteri, tetapi termasuk Sarawak atau tidak, biarlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya sebutkan tadi termasuk Sarawak dan juga Sabah.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kalau tak salah saya nampaknya kita dikehendaki menunggu sehingga tahun 2005 barulah kesemua rakyat akan menikmati air paip. Ini bermakna setengah rakyat dalam negara kita akan menunggu selama 25 tahun barulah dapat menikmati bekalan air. Adakah benar keadaan itu, jika ya, tidakkah ini satu perkara yang amat lewat atau amat perlahan dan dapatkan Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan kemudahan itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekalan air bukanlah satu perkara mudah seperti soal-soal lain boleh kita rancang dalam tiga empat tahun. Perkara bekalan air kita mesti dapat satu masa untuk tiap-tiap rancangan yakni dalam tempoh 5 tahun barulah kita dapat merancangkan macam mana kita akan memberi bekalan air kepada tiap-tiap tempat, tetapi apa yang saya sebut tadi iaitu sebelum tahun 2005 kita akan siapkan kepada semua kawasan yang ada di dalam Tanah Besar Semenanjung dan juga Sarawak dan Sabah itu bukanlah satu perkara kita boleh dapat selesaikan dalam tiga tahun. Jabatan Kerjasama dan Kementerian saya telah merancang untuk memberi bekalan air kepada semua tempat kiranya kita ikut satu peringkat mengambil masa selama 5 tahun. Itulah sebab saya harap kita boleh siapkan insya Allah kita dapat pertolongan daripada Tuhan, saya harap kita boleh dapat selesaikan lebih awal daripada tahun yang kita tetapkan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya kepada Menteri Kerjasama selain daripada Jabatan Kerjasama adakah jabatan-jabatan lain yang membekalkan air paip ini ke kampung-kampung?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerjasama telah dan sedang bertanggungjawab atas bekalan air, tetapi

ada juga di tiap-tiap negeri yang mana pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada satu-satu kawasannya sendiri sahaja, tetapi kepada Kerajaan, Jabatan Kerjasama ialah satu badan yang berkuasa untuk menjawab.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan Yang Berhormat Menteri tadi dijangka tahun 2005 atau sebelumnya semua rakyat akan dapat bekalan air paip, jadi ini jangka panjang. Saya ingin tahu berkenaan dengan jangka pendek berhubung dengan permohonan yang telahpun berjalan selama ini ada yang sudah 10 tahun, masih juga belum dapat bekalan air, saya minta penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan-permohonan diterima oleh Jabatan Kerjasama dan Kementerian saya telah dapat diselesaikan, jikalau kita dapat permohonan itu dengan masa yang kita tahu. Sekarang ada satu kajian sumber air iaitu Kerajaan sedang mengkaji keperluan pada keseluruhannya iaitu bagi keperluan domestic, perindustrian, pertanian dan kuasa hidro. Saya harap dengan kajian ini kita boleh juga dapat menyelesaikan semua masalah air yang ada di tanahair kita.

Tuan Patrick Anek Uren: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya juga lagi?

Tuan Patrick Anek Uren: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat dari Mas Gading.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada benar atau tidak bahawa bila rancangan diadakan untuk memberi bekalan air kepada satu-satu kawasan, satu criterion yang menjadi faktor untuk menyenangkan pelaksanaan ialah dekat dan jauhnya tempat itu daripada jalanraya yang besar. Ini telah menyebabkan pelaksanaan air paip ke kawasan-kawasan yang hanya tidak jauh daripada bandar dan kawasan yang sudah maju. Saya maksudkan soalan ini atas perkara yang berlaku di kawasan saya sendiri termasuk di kawasan yang tidak jauh

dari Kuching iaitu kampung Dayak yang tidak jauh daripada saluran air paip yang besar, tetapi mereka di situ tidak menikmati air paip dan air paip itu diberi kepada kawasan yang jauh iaitu kepada kawasan yang dikhaskan. Kalau kita menggunakan amalan yang begini pada masa tahun 2005 semua rakyat "akan menikmati air paip".

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berbangkit tadi iaitu satu perkara yang specific, jikalau Ahli Yang Berhormat beri lebih keterangan atas perkara itu, saya akan siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri selepas ini nanti.

DADAH—MENYELESAIKAN MASALAH NEGARA

9. Tuan Lee Lam Thye: minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau menyedari bahawa segala usaha Kerajaan telah gagal selama ini untuk menyelesaikan masalah dadah sebagaimana yang dibuktikan dengan bertambahnya kadar jenayah yang dilakukan oleh penagih-penagih dadah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengkaji semula langkah Kerajaan dalam memerangi masalah dadah yang bertujuan merangka satu strategi yang lebih positif untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-pertua, agak keterlaluhan jika seseorang itu mengatakan bahawa segala usaha Kerajaan telah gagal untuk menyelesaikan masalah dadah di negara ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat bagi tempoh 1970-1979 pihak agensi-agensi penguatkuasa telah berjaya merampas sebanyak :

Candu	11,918 kg.
Mofin	504 kg.
Heroin	452 kg.
Ganja Kering ...	9,110 kg.
Pokok Ganja ...	220,078 pokok
Pil MX	159,289 biji

Ini adalah satu kejayaan yang besar.

Kerajaan sememangnya sentiasa mengkaji untuk mencari jalan dan memperkemaskan cara tindakan dan undang-undang untuk memperketatkan dan memperheba kan kawalan ke atas kegiatan-kegiatan penyelupan, pengedaran dan menjual dadah dalam negara.

Satu Bahagian Anti Dadah di bawah Jabatan Polis Di Raja telah ditubuhkan pada bulan Jun, 1980. Jabatan Kasiam juga telah menubuhkan Cawangan Anti Dadah dan membesarkan lagi Unit Anjing, hasil dari kajian langkah-langkah pencegahan juga sedang dibuat.

Dalam bidang pendidikan satu rancangan jangka panjang melalui perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Rundingcara di Sekolah-sekolah Menengah sedang disusun. Usaha penerangan juga diteruskan untuk menjauhkan muda-mudi dari terjerumus dalam gejala dadah dengan menanam perasaan benci dan jijik terhadapnya.

Di peringkat antarabangsa pula usaha telah dibuat supaya masalah dadah dianggap sebagai satu masalah keselamatan dan bukan masalah sosial sahaja dan ini telah diterima di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Serantau (COGRAM) di New Delhi baru-baru ini dan Bangsa-bangsa Bersatu telah bersetuju untuk menimbang usul tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah dadah adalah masalah rakyat jelata seluruhnya, penyelesaian kepada masalah ini bergantung kepada kerjasama antara rakyat dan Kerajaan. Usaha menyelesaikan besar yang dihadapi oleh rakyat ini tidak akan berhasil dengan tindakan Kerajaan sahaja. Peranan Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin masyarakat dengan memberi apa-apa juga bantuan ke arah penyelesaian masalah ini adalah dialu-alukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa beberapa bahagian khas telah ditubuhkan untuk memerangi masalah dadah di negara kita dan beliau juga mengakui bahawa masalah ini adalah satu masalah yang serius. Tetapi di sini saya minta Yang

Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada sedar bahawa bilangan atau jumlah penagih dadah telah bertambah di negara kita dan pada masa ini mengikut satu survey yang dijalankan oleh WHO ada lebih kurang 400,000 penagih dadah di negara kita dan jika beliau sedar, benarkah masalah itu telah timbul oleh kerana sampai ke hari ini pihak Kerajaan tidak dapat mencari jalan-jalan yang lebih positif untuk mengatasi masalah ini dan juga mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa untuk memerangi masalah dadah adalah perlu untuk melibatkan pihak orang ramai. Tetapi di sini suka saya mendapat tahu sama ada beliau sedar bahawa PEMADAM adalah satu badan yang melibatkan orang ramai di dalam perkara untuk memerangi masalah dadah dan PEMADAM ini tidak ada dan jika beliau sedar sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memberikan kuasa lebih banyak kepada PEMADAM untuk mengatasi ataupun memerangi masalah dadah.

Tuan Sanusi bin Junid: Keputusan mengenai sama ada sesuatu program Kerajaan itu gagal atau tidak—tidak dapat dipandang dalam waktu program itu sedang dalam pelaksanaan dan oleh kerana masalah ini adalah masalah besar, maka pihak Kerajaan memberi perhatian yang berat dan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi bukan menjadi gambaran atas kegagalan, tetapi menjadi tanda seriusnya pandangan Kerajaan kepada masalah ini.

Mengenai kuasa yang dicadangkan diberi kepada PEMADAM, buat sementara waktu pihak Polis telahpun diberi kuasa dan daripada bulan Jun, 1980 kuasa Polis ini sedang disusun dan kami yakin dengan adanya peranan Polis di dalam usaha mencegah dadah ini dan dengan kerjasama pihak PEMADAM maka hasil yang lebih akan dapat diperolehi.

Mengenai angka yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, angka itu adalah anggaran kerana pihak yang menyebutkan jumlah 400,000 mempunyai satu ukuran bahawa bagi tiap-tiap seorang yang diketahui penagih dadah maka bermaknalah ada 10 orang yang tidak diketahui; jumlah kes di Malaysia hanya 47,000 oleh kerana mereka kalikan 10 maka mereka sampai kepada angka 400,000 lebih Kerajaan kita tidak bersetuju dengan ratio ini.

KERTAS KERJA BERBAU HASUTAN

10. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ucapan, kenyataan atau kertas kerja yang berbau hasutan, perkauman dan sensitif yang selalu dikeluarkan baik oleh kakitangan Kerajaan (seperti Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, JPM di Melaka pada 17-4-80) ataupun pemimpin-pemimpin politik (terutamanya dari komponen BN seperti Ketua Pemuda UMNO dalam bulan Julai di mana Perhimpunan Pemuda UMNO diadakan) adalah merupakan penghalang utama bagi pencapaian perpaduan rakyat kita; jika sedar, apakah tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk mencegah segala kegiatan ini daripada berlaku, jika tidak, apakah sebabnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan maklum bahawa pemimpin-pemimpin politik dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan selalu diminta membentangkan kertas kerja dalam berbagai seminar, simposium dan konvensyen di negara ini. Pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kanan yang diminta untuk berbuat demikian adalah terdiri dari mereka yang pendapat dan pandangan mereka dihargai oleh pihak yang menganjurkan seminar, simposium ataupun konvensyen itu.

Saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bahawa ucapan Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Ketua Pemuda UMNO yang dimaksudkan itu berbau hasutan atau perkauman dan sensitif. Anggapan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin lahir dari pembacaan yang tidak teliti atau pemahaman yang terpesong disebabkan tidak memahami sepenuhnya ucapan berkenaan. Sebarang ucapan dan tulisan boleh disalahertikan jika dipetik pada bahagian-bahagian tertentu sahaja dengan tidak mengambil kira penjelasan-penjelasan lain yang dibuat. Perkara yang tidak sensitif pun boleh dijadikan sensitif jika dibentangkan dengan secara membuatkan ia sensitif.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada ucapan atau tulisan yang boleh merosakkan semangat perpaduan di negara ini walau dari manamana pihak sekalipun. Perbuatan begini telah dan sedang dikawal oleh pihak Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa kertas kerja yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang saya kaji ada beberapa bahagian yang sangat berbau perkauman. Saya boleh berikan contoh, umpamanya

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini sudah dibangkitkan di dalam sidang ini. Dengan sebab itu tidak boleh dibangkitkan lagi mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chan Teck Chan: Lain-lain contoh yang saya berikan

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi bukan contoh, tentang kertas-kerja Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi telah dibangkitkan di dalam mesyuarat penggal ini, dengan sebab itu di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (p) tidak boleh dibawa lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, kalaulah saya membuat satu laporan yang bertulis dengan memberikan butir-butirnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan bahawa tindakan tata-tertib atau tindakan undang-undang akan diambil terhadap Ketua Pengarah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tulis apa lagi! Dahulu telah dibangkitkan, telah dapat jawapan penuh, sama ada puas hati atau tidak puas hati, tunggu penggal lagi satu, kalau boleh.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir bahawa definisi mengenai ucapan hasutan perkauman dan sensitif dibuat secara sesuka hati dan ikut selera masing-masing. Tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan akan mengambil tindakan tegas terhadap orang-orang yang cuba menimbulkan masalah-masalah seumpama ini.

Saya ingin bertanya, yang pertama ada orang menyatakan bahawa universiti di Malaysia ini tidak menempatkan orang-orang bukan bumiputra tetapi golongan professional bukan bumiputra terus meningkat. Tidak adanya hak istimewa di kalangan orang-orang bukan Melayu tetapi mereka

terus kaya-raya di negara ini. Adanya penindasan kaum di Malaysia, tetapi mereka boleh menjadi Menteri dan MP. Tiada kebebasan di kalangan mereka tetapi mereka terus bercakap di Parlimen, di luar Parlimen dan di forum-forum antarabangsa. Mereka telah menyatakan kaum buruh ditindas di Malaysia, tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalan tambahannya?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua, mereka telah menyatakan kaum buruh ditindas di Malaysia tetapi mereka memaki hamun negara ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri setelah memberikan jaminan bahawa beliau dan Kerajaan akan bertindak terhadap cakap-cakap hasutan seperti ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau soal universiti itu memang lain, sebab itu saya bertanya apa soalan tambahannya. Tadi mengenai perkara hasutan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebab itu saya benarkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kalau ada sesuatu aduan, saya akan kaji dan kalau bersalahan mengenai dengan undang-undang, tindakan akan diambil.

KEKURANGAN TENAGA PEKERJA

11. Dr Chen Man Hin: minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa terdapat sebanyak 7% orang yang menganggur sedangkan terdapat banyak kekosongan kerja di ladang-ladang dan juga dalam perusahaan pembinaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Kadar pengangguran pada masa ini adalah dianggarkan lebih kurang 6.0% sahaja. Perkara

kekurangan pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang telahpun dijelaskan dengan panjang lebar pada hari semalam oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan sebab-sebab kekurangan itu telah juga disentuh dalam jawapan beliau itu.

Haruslah kita menegaskan di sini bahawa sebab asas kekurangan tenaga pekerja yang mula dirasai sekarang di beberapa kalangan, termasuk bidang perusahaan ladang dan pembinaan, adalah disebabkan permintaan yang pesat untuk tenaga pekerja akibat daripada pembangunan negara kita.

Selain daripada itu, adalah didapati bahawa sebilangan besar daripada mereka yang menganggur sekarang adalah terdiri daripada belia-belia lepasan sekolah yang mempunyai sedikit sebanyak pelajaran peringkat menengah, termasuk di peringkat LCE/SRP ataupun SPM/MCE. Mereka ini nampaknya lebih tertarik untuk bekerja dengan pihak Kerajaan ataupun di kilang-kilang di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, adalah terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa sikap ini sedang berubah, khususnya dengan latihan yang lebih sempurna dan kadar gaji yang lebih menarik.

SKIM "NO-FAULT LIABILITY"

12. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab kelambatan melaksanakan skim "No-fault Liability" dalam kes-kes perlanggaran di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, kajian tentang soal hendak mengadakan suatu Skim Pampasan Kemalangan Jalanraya (No-fault Liability Scheme) di negara ini terpaksa mengambil masa yang agak panjang sedikit oleh kerana skim tersebut adalah suatu skim yang melibatkan implikasi yang besar dan luas dari segi kewangan, pentadbiran undang-undang dan untung-rugi kepada rakyat dan negara. Jawatankuasa yang ditugaskan untuk mengkaji kemungkinan mengadakan skim itu terpaksa berhati-hati dan bercermat membuat penyelidikan dan pertimbangan sebelum dapat mengemukakan laporannya kepada Kerajaan.

Akhir-akhir ini Jawatankuasa itu terpaksa mengkaji lagi perkembangan-perkembangan baru dalam pelaksanaan skim seumpama itu di New Zealand. Walau bagaimanapun, apabila sahaja persediaan-persediaan akhir siap maka laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Kabinet untuk pertimbangan.

PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI-UNIVERSITI

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberi mengikut pecahan kaum pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti berikut bagi tahun akademik 1980/81.

- (a) bagi setiap lima universiti tempatan;
- (b) bagi kedua-dua fakulti perubatan; dan
- (c) bagi fakulti kejuruteraan Universiti Malaya.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Pengambilan pelajar-pelajar ke kursus Ijazah Pertama mengikut pecahan kaum di Universiti-universiti tempatan bagi sesi 1980/81 adalah seperti berikut:

Universiti	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
Universiti Kebangsaan Malaysia ..	1,249	363	1,612
%	77.5	22.5	
Universiti Malaya ..	1,062	1,035	2,097
%	50.6	49.4	
Universiti Pertanian Malaysia ..	434	131	565
%	76.8	23.2	
Universiti Sains Malaysia ..	519	499	1,018
%	51.0	49.0	
Universiti Teknologi Malaysia ..	163	46	209
%	78.0	22.0	
JUMLAH	3,427	2,074	5,501
%	62.3	37.7	

- (b) Pecahan kaum bagi kedua-dua fakulti Perubatan ialah seperti berikut:

Universiti	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
Universiti Kebangsaan Malaysia ..	173	19	192
%	90.1	9.9	
Universiti Malaya ..	80	48	128
%	62.5	37.5	

(c) Pecahan kaum bagi fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya adalah seperti berikut:

	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
Bil.	87	108	195
%	44.6	55.4	

Tuan Yang di-Pertua, setelah menjawab ketiga-tiga bahagian soalan ini, saya suka menyatakan bahawa sebenarnya detail yang saya berikan ini ada lebih lanjut lagi tetapi oleh sebab terlampau panjang, saya suka jawapan saya ini dianggap seolah-olah sudah dibentangkan dengan lengkap oleh sebab angkanya semua akan saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, daripada angka-angka yang telah diberi menunjukkan khasnya untuk Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi di mana pengambilan pelajar-pelajar untuk pelajar-pelajar Bumiputra adalah di antara 76% sehingga 78% yang tidak mencerminkan komposisi kaum di negara kita. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berhasrat untuk mengikut tujuan objektif kedua Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula atau memastikan bahawa ada mencerminkan komposisi kaum-kaum bukan untuk mengurangkan pelajar-pelajar Bumiputra di ketiga-tiga universiti tersebut tetapi untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar Bumiputra supaya kampus-kampus di ketiga-tiga universiti itu lebih multi-racial.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini tiap-tiap tahun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan jawapannya telah beberapa kali diberikan. Saya minta maaf sekiranya saya tersalah cakap tetapi Ahli Yang Berhormat ini sama ada tidak faham atau sengaja tidak mahu memahami konsep Dasar Ekonomi Baru.

Kerap kali diperkatakan bahawa khasnya kalau hendak dipecahkan soal pengambilan pelajar-pelajar untuk universiti-universiti dan institusi pelajaran tinggi, harus diingat bahawa konsep yang dianuti oleh Kerajaan ialah konsep global. Ini typical kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu di-pilih satu—di-tarik, dikata ini tidak baik dan sebagainya. Tetapi kalau dia memahami bahawa konsep kita ialah global, barulah dia memahami

bahawa kalau pada puluh tahun dahulu dikatakan daripada 90% bukan bumiputra globally diambil bagi pusat-pusat pengajian tinggi tetapi sekarang nasib baiklah Bumiputra yang begitu lama tertinggal angkanya telah dapat naik kepada peringkat 62.3%. Itupun di dalam negeri, belum diambil kira lagi di luar negeri.

Perkara ini saya pun tidak tahulah, terpaksa saya menjawab tiap-tiap kali, tetapi saya fikir kalau dibangkitkan tiap-tiap kali seperti sentiasa akan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tujuan-tujuan yang tertentu termasuklah politik jadi terpaksa kita, sungguhpun bosan, bangun menjawab dan memberi hujjah balik untuk dia memahaminya. Tetapi tujuan saya bukanlah untuk dia memahami, tujuan saya ialah untuk rakyat memahaminya dan saya percaya rakyat akan memahaminya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini.*)

TAMBANG KAPALTERBANG JEMAAH HAJI KE MEKAH—KENAIKAN

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan supaya tambang kapalterbang ke Mekah melalui Tabung Haji tidak dinaikkan begitu tinggi, yang pertama oleh kerana MAS dan Tabung Haji mendapat jemaah haji yang ramai secara kumpulan; yang kedua tidak ada kompetisyen dari penerbangan lain adakah Kerajaan akan menimbangkan supaya tambang ke atas Jemaah Haji dinaikkan kepada had minima sahaja supaya ianya tidak membebankan bakal-bakal haji yang akan datang disebabkan kenaikan harga petrol. Jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat harus maklum, perbelanjaan bagi penerbangan sewa khas untuk Jemaah Haji yang dikendalikan oleh MAS dan Tabung Haji adalah lebih banyak daripada perbelanjaan bagi penerbangan biasa. Ini adalah oleh kerana pada peringkat penerbangan sebelum WUKUF perjalanan

balik dari Jeddah ke Kuala Lumpur adalah penerbangan kapal yang kosong. Selepas WUKUF pula penerbangan dari Kuala Lumpur ke Jeddah sewaktu hendak mengambil balik Jemaah Haji adalah penerbangan kosong pula. Pendek kata, penerbangan sewa khas haji untuk sesuatu kumpulan Jemaah Haji memerlukan 4 penerbangan dalam mana 2 penerbangan adalah penerbangan kosong.

Oleh itu, tambang penerbangan Sewa Khas Haji tidaklah boleh dibandingkan dengan tambang penerbangan biasa.

Walaupun demikian, adalah menjadi dasar Kerajaan serta MAS dan Tabung Haji supaya tambang ke atas Jemaah Haji dikenakan kepada had minima sahaja.

Saya ingin menegaskan bahawa perkhidmatan sewa khas Haji ini diuruskan oleh MAS dan Tabung Haji dengan tujuan memberi pertolongan kepada Bakal Haji dan tidak bagi maksud mendapat keuntungan. Harga yang ditetapkan telah dikaji dengan halus dan dikenakan sehabis rendah berdasarkan perbelanjaan yang sebenar yang terpaksa dibuat. Segala usaha telah dibuat untuk mengurangkan tambang dan memandangkan kenaikan kos yang sebegitu tinggi, adalah difikirkan tambang yang dikenakan sekarang adalah rendah.

SKIM RUKUN TETANGGA DI SABAH—MEMPERKENALKAN

15. Datuk Stephen Robert Evens minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Rukun Tetangga akan dibesarkan dan diperkenalkan di Negeri Sabah memandangkan bertambahnya jenayah di negara tersebut terutamanya pembunuhan dan rompakan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Kerajaan belum lagi ada rancangan untuk memperkenalkan Skim Rukun Tetangga di Negeri Sabah. Skim Rukun Tetangga ditubuhkan apabila Kerajaan berpuashati ada hasrat dan keinginan menubuhkan rancangan tersebut oleh penduduk sesuatu kawasan tertentu itu sendiri berdasarkan keperluan keselamatan sebenar dan ianya tidak mendapat tekanan dari mana-mana pihak. Setakat ini belum lagi ada permintaan dari Kerajaan Negeri Sabah bagi menubuhkan Skim Rukun Tetangga itu dan dianggap ianya belum perlu.

BUMIPUTRA DAN BUKAN BUMIPUTRA

16. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa rakyat Malaysia dibahagikan kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra dan sama ada orang Jawa adalah Bumiputra dan jika ya, sila beri sebab-sebabnya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, Perlembagaan Malaysia Perkara 153 dan Perkara 161A telah memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan lain-lain "native" di Sabah dan Sarawak. Maka adalah difikirkan sesuai jika satu perkataan "Bumiputra" meliputi semua warganegara yang jatuh dalam lingkungan peruntukan itu digunakan dalam pelaksanaan dasar Kerajaan sejajar dengan maksud Perlembagaan. Seseorang Jawa di Malaysia tidak semestinya secara otomatik menjadi warganegara Malaysia atau "Bumiputra". Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan "Melayu" atau "Native" jelas diterangkan dalam Perlembagaan mengikut Perkara 160 dan Perkara 161A (6).

BILANGAN PENGUNDI BERDAFTAR

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi baru di seluruh negara yang didaftarkan dari 25-8-80 hingga 5-10-80 mengikut negeri dan kaum masing-masing. Nyatakan juga bilangan pengundi mengikut negeri sehingga 24-8-80 atau mana-mana tarikh terakhir sebelum pendaftaran 25-8-80 dilakukan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran dan penyemakan daftar-daftar pemilih 1980/81 baharu saja selesai. Suruhanjaya Pilihanraya masih lagi dalam peringkat memproses borang-borang permohonan tersebut untuk mengasingkan bilangan pendaftar baharu dan pertukaran alamat. Sebahagian dari permohonan dari kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil masih belum diterima. Oleh itu penyata

pertambahan pemilih yang baru didaftarkan ini belum dapat dikemukakan lagi. Suruhanjaya Pilihanraya hanya bertanggungjawab mendaftar warganegara yang layak untuk dimasukkan ke dalam rang daftar pemilih. Kerja menganalisa pemilih-pemilih berdaftar mengikut satu-satu kaum tidak dilakukan. Mengenai bahagian kedua kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih di Malaysia sehingga 24hb Ogos, 1980 ialah sebanyak 5,225,631 pemilih dan pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Pemilih</i>
Perlis	68,479
Kedah	471,357
Kelantan	358,248
Trengganu	214,675
Pulau Pinang	397,008
Perak	747,065
Pahang	267,125
Selangor	520,120
Wilayah Persekutuan	322,487
Negeri Sembilan	224,975
Melaka	190,208
Johor	639,119
Sabah	314,974
Sarawak	489,791
Jumlah	5,225,631

UNIVERSITI/INSTITUSI LATIHAN— PEMBERIAN BIASISWA

18. **Datuk Lee Boon Peng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan lebih banyak universiti-universiti dan institusi-institusi latihan, kerana memandangkan pengumuman oleh beliau di Persidangan Wilayah Kerajaan Ketua-ketua Komanwel (Commonwealth Heads of Government Regional Meeting) di New Delhi bahawa Malaysia telah mengadakan satu program bantuan teknikal supaya menolong negara-negara baru-baru mencapai kemerdekaan dan sedang membangun, yang termasuk memberi biasiswa-biasiswa bagi pengajian-pengajian di universiti-universiti Malaysia.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Program bantuan teknikal yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komenwel Serantau (CHOGRM) di New Delhi itu seperti Ahli Yang Berhormat maklumi adalah satu rancangan bantuan teknikal Malaysia untuk membantu negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan dan yang sedang membangun. Program bantuan tersebut akan dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada dan bergantung pada kemampuan negara.

Biasiswa-biasiswa bagi pengajian di universiti-universiti dan institusi-institusi latihan di Malaysia adalah salah satu daripada rupa bentuk bantuan teknikal yang dimaksudkan. Soal mengadakan lebih banyak universiti-universiti dan institusi-institusi latihan yang khusus disebabkan oleh program bantuan teknikal itu tidaklah timbul kerana ianya akan disesuaikan dengan kemudahan-kemudahan yang sudah ada. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang menubuhkan lebih banyak universiti-universiti, kerana, selain dari Universiti Malaya, empat lagi universiti-universiti yang lain, yang masih lagi dalam peringkat perkembangan dan pembangunan.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA— MEMPROSES PERMOHONAN KAD PENGENALAN

19. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar iaitu Jabatan Pendaftaran Kebangsaan masih lagi meneruskan dasar, "Sikap Tidak Peduli" apabila memproses permohonan borang-borang kad pengenalan. Contoh mereka yang terlibat di atas dasar "Sikap Tidak Peduli" Jabatan tersebut,

(a) Dayang binti Ukong, Kampong Kuala Panti, Keningau, Sabah,

Beliau memohon untuk menukar kad pengenalan dari warna orange kepada biru pada tahun 1973. Sekarang telah 7 tahun, beliau masih belum lagi menerima kad pengenalannya.

(b) Bonga binti Mulong, Kampong Kuala Panti, Keningau, Sabah.

Beliau memohon kad pengenalan pada tahun 1972 sekarang telah hampir 9 tahun, tapi beliau tidak lagi menerima kad pengenalan.

(c) Kulina binti Toung, Kampong Patikang Ulu, Keningau, Sabah.

Beliau memohon kad pengenalan pada tahun 1977 tapi beliau tidak lagi menerima kad pengenalannya hingga sekarang. Apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membaiki dan mempercepat sistem memproses kad pengenalan tersebut dan adakah tindakan disiplin akan diambil terhadap pegawai-pegawai tersebut yang bertanggungjawab melambatkan kerja dan ini mencemarkan nama baik Kerajaan kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sebaliknya memang menjadi dasar Jabatan Pendaftaran Negara untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan jujur, dan setiap permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan itu akan diteliti dengan rapi.

Berkenaan dengan permohonan Cik Dayang binti Ukong, Kg. Kuala Panti, Keningau, Sabah, permohonannya telah diluluskan dan kad pengenalan bernombor H. 0185228, telah dikeluarkan pada 19hb Oktober, 1973 dan kad ini telahpun diserahkan kepada pemohon.

Mengenai permohonan Cik Bonga binti Mulong dan Cik Kulina binti Toung, siasatan telahpun dijalankan dan mengikut rekod, Jabatan Pendaftaran Negara Sabah tidak pernah menerima permohonan mereka itu.

Saya berpuas hati dengan sistem memproses permohonan kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara Sabah yang ada sekarang ini. Pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan sentiasa memeriksa segala dokumen-dokumen yang menyokong setiap permohonan kad pengenalan dengan teliti, ini adalah untuk mengelakkan daripada sesuatu dokumen penting itu dikeluarkan kepada mereka yang tidak berhak menerimanya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini apabila tamat mesyuarat hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang esok, 17-10-80.

Dr Goh Cheng Teck: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini apabila tamat mesyuarat hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang esok, 17-10-80.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (PINDAAN)

Bacaan kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (15hb Oktober, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah semalam sedang bercakap dan sekarang boleh menyambung ucapannya.

3.38 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba tidak akan mengambil masa yang panjang lagi cuma ada dua tiga perkara lagi yang saya ingin menyambung di mana saya tamat pada petang semalam.

Setelah pentadbiran UDA yang baru yang akan diwujudkan di bawah kuatkuasaan pindaan Rang Undang-undang ini saya mengharapkan bahawa pentadbiran ini akan mengambil perhatian supaya keadaan susunan pegawai-pegawai hendaklah memberi perangsang kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perbadanan Pembangunan Bandar sendiri dan begitu juga kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya wujudnya satu sistem dorongan yang positif kepada pegawai-pegawai UDA. Maka hendaklah diletakkan satu matlamat di mana Ketua Eksekutif UDA yakni Ketua Pengarah dan lain-lain Timbalan Pengarah hendaklah pada satu masa nanti menjadi matlamat akan dipegang sendiri oleh pegawai-pegawai UDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan ini bukan sahaja berdasarkan amalan-amalan yang telahpun dibuat oleh perbadanan-perbadanan lain yang juga di bawah Kementerian Perusahaan Awam, misalnya, MARA. MARA mulai pada tahun lepas kalau saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, telahpun memulakan dengan Ketua Pengarahnya terdiri daripada Pegawai MARA sendiri. Sebelum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, maka bersilih gantilah Pegawai Tadbir dan Diplomatik atau PTD telah diperbantukan kepada MARA sehingga beberapa waktu sehingga tahun lepas baru Pegawai MARA sendiri telah ditetapkan sebagai Ketua Pengarah MARA.

Dalam keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengharapkan bahawa UDA setelah berjalan atau berkuatkuasanya pindaan kepada Akta ini akan terus melantik Ketua Pengarahnya daripada orang-orang yang sedang berkhidmat dengan UDA; ertinya mereka yang di dalam perkhidmatan UDA. Yang saya minta, Tuan Yang di-Pertua, ialah menjadi satu matlamat dan matlamat ini hendak direalisasikan secepat mungkin dan sebagai sa'ua tanda positif, tanda dorongan yang ikhlas pihak pentadbiran mengenai UDA ini, maka apakah salahnya buat permulaan ini dengan kuatkuasa pindaan Akta ini sekurang-kurangnya seorang Timbalan Ketua Pengarah UDA hendaklah dilantik daripada pegawai-pegawai UDA yang sedang berkhidmat sekarang. Saya menyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu saya juga meminta supaya pihak yang berkenaan yakni di dalam konteks ini pihak

Menteri berkenaan bukan sahaja menaikkan pangkat sesiapa sahaja di dalam UDA pada hari ini, tetapi hendaklah sekiranya ada orang-orang yang layak menjadi Ketua atau Timbalan Ketua Pengarah pada hari ini hendaklah dilantik walaupun jawatan Ketua Pengarah mungkin tidak akan lagi buat masa ini dipenuhi oleh orang-orang di dalam UDA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara demikian ini mungkin kita akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah sepertimana yang telah disebutkan oleh saudara saya dari pada Pasir Puteh semalam bahawa saban kali kita mendengar pegawai-pegawai UDA berhenti daripada Perbadanan UDA sendiri. Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa sekiranya kalau kita mahu menaikkan pegawai-pegawai UDA ini supaya setimpal dengan pengalaman dan tempoh mereka pernah berkhidmat dengan UDA sendiri, maka hendaklah soal gaji, soal habuan kepada pegawai-pegawai ini disetimpalkan dan janganlah dikira sangat soal berapa orang yang dipertanggungjawabkan di bawah oleh Ketua Pengarah itu, sebelum Ketua Pengarah itu hendak diberi taraf superscale berapa. Saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dilakukan sebagaimana berlaku di dalam Kementerian Pelajaran di mana seluruh Kementerian Pelajaran, sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang menjadi guru hanya mampu mendapat seorang sahaja Superscale "A" yang lain ialah "C" dan ke bawah sahaja. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya semangat pindaan yang baru ini hendaklah perkhidmatan UDA tidak akan terjatuh ke dalam keadaan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh mengenai UDA mempunyai terlalu banyak tujuan-tujuan di dalam Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. Sebagai menu'iu satu matlamat yang lebih konkrit adalah dicadangkan kepada UDA supaya memilih bidang-bidang yang tertentu supaya sekurang-kurangnya yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, tidak adanya persaingan dengan badan-badan berkanun yang lain dan yang kedua tidak wujudnya kerugian tenaga dan punca-punca yang lain dalam mengadakan sesuatu projek itu, Tuan Yang di-Pertua.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kembali kepada tujuan UDA dalam Akta UDA 1971 perkara 3 (1) (a) (ii) misalnya perbaiki keadaan alam sekeliling, perkhidmatan dan sebagainya. Mungkin keadaan perbaiki, keadaan alam sekeliling ini kita serahkan sahaja kepada Majlis-majlis Daerah ataupun majlis-majlis Perbadanan sementara pihak UDA sendiri yang jelas sepertimana telah saya sebutkan semalam, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu agensi yang amat penting di dalam melaksanakan dasar-dasar atau matlamat Dasar Ekonomi Baru. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, adalah kita harapkan supaya perkara-perkara seperti mengadakan projek-projek kesenangan dan kebajikan hendaklah ditinggalkan kepada pihak-pihak lain yang lebih dekat dan lebih sesuai untuk mengadakan perkara-perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan semalam, saya meminta supaya pihak UDA seboleh-bolehnya janganlah mengadakan sebarang usahasama atau kerjasama dengan badan-badan Kerajaan yang lain kerana ini merugikan. Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, hendaknya diadakan satu penyelarasan dengan badan sama ada badan berkanun Kerajaan itu adalah di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Awam mahupun badan-badan yang lain yang tidak terdapat di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Awam, maka hendaklah diadakan penyelarasan supaya benar-benar, Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud duplikasi atau redundancy dalam menialankan kerja-kerja. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya tiap-tiap badan berkanun termasuk UDA sendiri menumpukan sepenuh masa untuk projek-projek yang tertentu dan setiap badan yang terlalu banyak telah ditubuhkan oleh Kerajaan dengan hasrat untuk salah satunya untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini, maka saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, bila menjelang pada tahun 1990 atau setengah orang pada hari ini suka meletakkan tahun 1991 maka Dasar Ekonomi Baru itu, insya Allah akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Akta ini Fasal 12 (a) digantikan mesyuarat daripada "sebulan" sekali kepada "dua bulan" sekali tetapi oleh sebab tertakluk kepada perkataan sekurang-kurangnya dua bulan sekali

maka hendaknya pihak Perbadanan ini janganlah mesyuarat hanya dua bulan sekali kerana kalaulah perlu diadakan mesyuarat lebih kerap daripada sebulan sekali atau lebih kerap daripada dua bulan sekali sebagaimana yang diperuntukkan oleh pindaan ini, maka jalan-lah mesyuarat tersebut dan saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, pihak Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan tidak akan teragak-agak untuk membenarkan kerja-kerja yang lebih daripada mesyuarat-mesyuarat ini sekiranya perkara yang tersebut akan mendatangkan faedah kepada perbadanan sendiri.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, setelah kita melihat keadaan UDA pada peringkat awalnya dan setelah kita dapat mengemak kelemahan dan kekurangan UDA sama ada melalui Akta ataupun melalui orang-orang perseorangan yang menjalankan UDA pada masa-masa yang silam, maka adalah wajar kalau satu peringatan yang ikhlas diberi melalui Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kepada sesiapa sahaja yang akan mengepalai UDA, sama ada sebagai Pengerusi ataupun sebagai Ketua Pengarah maka hendaknya sejarah UDA dahulu; sama ada sejarah kewangan sepertimana disebut oleh Ahli yang Berhormat dari Pasir Putih semalam, ataupun lain-lain sejarah yang terlalu banyak boleh digali kembali daripada fail-fail UDA, maka hendaklah dipelajari daripada pengalaman-pengalaman ini. Insya Allah kita doakan dengan pengalaman yang telah dilalui oleh orang-orang sebelum daripada kita dalam masa 9 tahun kebelakangan ini, kita harapkan masa depan UDA dengan pindaan ini adalah lebih cerah dan lebih menguntungkan demi untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pagoh.

3.50 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama rakan-rakan saya bangun pada hari ini untuk memberikan pandangan di samping penyokong Akta yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam baharu-baharu ini.

Sesungguhnya pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 itu adalah suatu perubahan yang amat diperlukan yang merupakan pokok di dalam menyusun semula organisasi dan pentadbiran di dalam Perbadanan Pembangunan Bandar. Memanglah sudah banyak diperkatakan oleh masyarakat umum mengenai pentadbiran dan pengurusan UDA, ada baik tetapi banyak yang tidak baiknya.

Kita tidak dapat menafikan bahawa Perbadanan Pembangunan Bandar telah dapat menjalankan berbagai-bagai program dan rancangannya yang pada permulaannya adalah bagi memenuhi hasrat dan objektif utamanya ia ditubuhkan, yang kerap kali menjadi tandatanya di kalangan masyarakat umum ialah sama ada projek-projek yang telah dijalankan dan dilaksanakan itu benar-benar memenuhi tujuannya. Yang lebih ketara ialah bahawa UDA dengan program-programnya belum lagi dapat menunjukkan ianya sebagai sebuah perbadanan yang berjaya menjalankan tanggungjawab dan sesungguhnya UDA mempunyai banyak kelemahan-kelemahan yang hanya pihak pengurusannya sahaja yang lebih mengetahui.

Rakyat pada umumnya mempersoalkan kewibawaan pucuk pimpinan UDA dahulu, bahkan tidak kurang juga yang menimbulkan persoalan kejujuran pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan di dalam UDA. Bibit-bibit dan anasir-anasir yang menimbulkan kecurigaan ini di mata awam ini sesungguhnya telah menjejaskan imej UDA sebagai sebuah perbadanan yang mempunyai keupayaan memikul peranan dan tanggungjawab yang telahpun diperkanankan untuknya. Keraguan-keraguan ini perlu dihapuskan. Saya percaya dan yakin inilah tanggungjawab pertama Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baharu Perbadanan Pembangunan Bandar yang akan dilantik kelak khususnya peranan dan tanggungjawab yang akan diberikan kepada Ketua Eksekutifnya iaitu Ketua Pengarah Perbadanan.

Pembentangan pindaan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar ini mempunyai erti yang besar terhadap usaha mengkaji semula peranan dan tanggungjawab yang perlu diserahkan kepada perbadanan itu. Tidaklah banyak perbezaan fungsi kepada Lembaga Pengarah dan Eksekutif UDA dahulu dengan pindaan yang dicadangkan ini sebenarnya. Sebab di dalam

susunan yang lama kuasa Eksekutif adalah diberi kepada Pengerusi dan Timbalannya dan mengikut pindaan yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini kuasa ini sekarang diserahkan pula kepada Ketua Pengarah yang dilantik oleh Menteri. Saya rasa bahawa sesiapa pun yang dilantik sebagai Ketua Pengarah mempunyai kuasa yang amat luas. Pepatah pujangga Inggeris ada mengatakan, dengan izin, "Power corrupts, absolute power corrupts absolutely". Ini tidaklah saya mengaitkan pada seluruhannya bahawa UDA mempunyai unsur-unsur korupsi. Tetapi kuasa Ketua Pengarah yang diberikan di bawah Akta pindaan ini perlulah diregulated melalui peranan yang lebih aktif yang patut dimainkan oleh Lembaga Pengurus UDA itu sendiri. Kalau ini tidak dapat dilaksanakan maka akan berlakulah lagi apa yang pernah berlaku di dalam UDA, sebab yang mustahaknya kuasa. Lembaga Pengarah dan Pengurusan UDA saya percaya tidak perlu banyak berpolitik ataupun politicking dalam menjalankan program dan membuat keputusan-keputusan. Yang penting ditekankan ialah tanggungjawab setiap ahli-ahli bagi mencapai hasrat dan objektif utama UDA itu ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini Seksyen 3 memperuntukkan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang akan dilantik dan sebagaimana yang saya tekankan di awal ucapan saya tadi siapa yang akan diberi kuasa sebagai Ketua Pengarah mempunyai kuasa yang luas, yang penting dan perlu ialah kejujuran di dalam melaksanakan tanggungjawab. Apa yang kerap ditimbulkan dan didengar di dalam masyarakat hari ini ialah perkara-perkara yang remeh-temeh yang berlaku di dalam UDA dan dijadikan sebagai maklumat awam, sama ada disebarkan oleh orang-orang yang ada berkait secara langsung dengan UDA ataupun tidak. Kenyataan-kenyataan yang selalu dibuat tentang pengurusan UDA dan dipaparkan untuk maklumat awam kadang-kadang tidak menyenangkan.

Saya mencurigai tentang sistem penyimpanan maklumat-maklumat yang ada di dalam UDA. Saya percaya di dalam Lembaga Pengurusan yang baharu yang dilantik dan Ketua Pengarah nanti yang lebih bertanggungjawab akan dapat meneiti dan mengkaji sistem keselamatan maklumat yang ada disimpan dan diamankan oleh perbadanan sekarang ini. Saya percaya adalah

tidak perlu dan tidak wajar maklumat-maklumat yang berkait ataupun statements yang dibuat berkenaan dengan pentadbiran UDA untuk disampaikan kepada kepengetahuan umum, dan adalah lebih wajar dan lebih baik maklumat-maklumat yang berkait dengan soal pentadbiran ini diselesaikan ataupun disimpan dan masalah-masalah yang berbangkit dengan masalah pentadbiran dan pengurusan itu diselesaikan di peringkat pengurusan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa dengan adanya pindaan ini maka akan terdapatlah check and balance di dalam pengurusan UDA. Ini amatlah dialu-alukan sebab di dalam melaksanakan berbagai-bagai program yang telahpun dipertanggungjawabkan kepada UDA, kawalan yang lebih rapi perlu diamalkan dan diadakan.

Di dalam seksyen 6, Akta ibu yang telahpun dipinda, saya petik di sini:

“Bahawa Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan program, skim atau projek bagi pertimbangan perbadanan untuk menerbitkan panduan, polisi atau menjelaskan keputusan perbadanan kepada pegawai dan penjawat perbadanan dan bagi penyediaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan itu dan ia hendaklah dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah”.

Tugas dan tanggungjawab yang telah ditentukan di dalam Akta ini adalah jelas, yang belum jelas ialah tentang butir-butir rancangan-rancangan yang patut dikaji semula oleh Ketua Eksekutif ini. Saya fikir adalah amat penting sekali sesiapa pegawai yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri sebagai Ketua Pengarah mengkaji semula apakah yang telahpun dilaksanakan oleh UDA kira-kira 8 ataupun 9 tahun yang lalu sejak ianya ditubuhkan. Mana rancangan-rancangan yang sedang dijalankan dan patut diteruskan saya kira eloklah diteruskan. Tidak dapat dinafikan di dalam menjalankan program-program dan projek-projek yang telahpun ditentukan oleh Lembaga Pengarah UDA yang lalu ada rancangan-rancangan yang tidak memberi kejayaan. Saya percaya dan yakin bahawa bukanlah menjadi matlamat utama UDA untuk menentukan bahawa setiap rancangan-rancangan itu menghasilkan kejayaan ataupun keuntungan dari segi material tetapi kalau sekiranya peruntukan yang banyak telahpun diperuntukkan kepada

UDA untuk melaksanakan programnya tetapi di samping itu banyak juga kerugian-kerugian yang akan ditanggung oleh UDA maka yang akan kerugian bukanlah UDA sahaja tetapi juga rakyat yang membayar cukai.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, rancangan pertama yang perlu dilaksanakan oleh Ketua Pengarah ialah mengkonsolidasikan, menguatkan segala program rancangan-rancangan anak-anak syarikat yang telahpun ditubuhkan di bawah Lembaga ataupun Perbadanan Pembangunan Bandar ini. Beberapa bulan ataupun di dalam tahun yang lepas apabila Pengerusi baru dilantik menggantikan Pengerusi lama kita mendengar banyak kenyataan dibuat bahawa rancangan UDA ialah untuk menyusun semula program organisasi pentadbirannya supaya ia akan menjadi lebih cekap lagi tetapi sehingga ini kita tidak mengetahui apakah program-program sebenar rancangan-rancangan yang telahpun diambil untuk mencapai matlamat yang disebutkan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan di dalam menentukan kejayaan rancangan-rancangan yang telahpun ditentukan oleh Lembaga ataupun Perbadanan ini ia memerlukan kecekapan yang tidak boleh dipersoalkan. Rancangan-rancangan yang dikelolakan oleh UDA merupakan rancangan-rancangan ekonomi dan untuk melaksanakan ini kita diberitahu bahawa banyak anak-anak syarikat yang telahpun ditubuhkan yang boleh dikatakan kesemuanya melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk membangunkan bangunan, mendirikan rumah-rumah, kompleks-kompleks dan sebagainya.

Saya juga diberitahu bahawa di bawah UDA telahpun ditubuhkan sebuah syarikat induk yang disebut sebagai PERIMBA Berhad. Saya ingin mendapat keterangan daripada Yang Berhormat Menteri dengan adanya susunan baru UDA sekarang ini dan juga dengan kuasa-kuasa tertentu yang diberikan kepada Ketua Pengarah Perbadanan apakah sebenarnya kedudukan PERIMBA berhubung dengan UDA ini, di manakah peranan yang boleh dimainkan oleh PERIMBA di dalam melaksanakan rancangannya itu dan apakah kuasa-kuasa yang akan diberikan oleh Lembaga Pengarah

kepada Ketua Pengarah Perbadanan untuk mengawasi pergerakan, perjalanan program yang akan dilaksanakan oleh PERIMBA Berhad. Apa yang saya ketahui PERIMBA ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan apakah sebenarnya susunan semula yang akan dibuat untuk menentukan bahawa perjalanan PERIMBA ini tidak akan menyeleweng ataupun lari daripada asas dan dasar UDA itu ditubuhkan.

Saya ingin mencadangkan untuk menyelaraskan kedudukan PERIMBA ini di dalam UDA supaya sama ada Pengerusi UDA itu sendiri akan dilantik sebagai Pengerusi PERIMBA Berhad ataupun mungkin dengan lebih baik Ketua Pengarah Perbadanan itu dilantik sebagai Pengerusi PERIMBA Berhad dan dengan cara ini saya yakin segala apa yang akan dirancangan oleh syarikat itu di bawah PERIMBA Berhad akan dapat diawasi dan diketahui serta dilaporkan setiap bulan kepada Lembaga Pengarah Perbadanan.

Suatu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang kerap dibangkitkan tentang kecekapan dan kemampuan pegawai-pegawai melaksanakan program dan juga strategi yang telahpun ditentukan oleh Perbadanan. Sebagaimana juga yang telahpun disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lebih awal tentang ramainya kakitangan-kakitangan utama di dalam UDA meletakkan jawatan. Perkara meletakkan jawatan ini adalah suatu perkara yang biasa sebab mungkin ada pegawai-pegawai yang telahpun ditawarkan jawatan-jawatan yang lebih baik tetapi sekiranya berlaku terlalu kerap sangat perletakan jawatan di dalam bidang pengurusan yang tinggi dalam sebuah perbadanan seperti UDA ini, ini juga akan menimbulkan tandatanya di kalangan masyarakat umum. Apakah kedudukan syarat-syarat yang ditawarkan kepada pegawai itu tidak begitu baik ataupun memuaskan hati pegawai-pegawai maka mereka terpaksa meninggalkan jawatannya ataupun dengan sebab-sebab yang lain. Kita tidak mahu menimbulkan syak-wasangka (suspicion) tentang apa yang berlaku di dalam UDA tetapi perkara ini juga adalah menjadi perkara yang harus dititik beratkan oleh Lembaga Pengurusan UDA yang baru. Saya yakin Ketua Pengarah yang akan dilantik adalah orang yang berpengalaman tetapi pengalaman semata-mata dan tidak mengetahui di atas soal dasar UDA itu ditubuhkan tidak akan memberi kesan kepada melaksanakan

program yang ditentukan. Memahami objektif utama itu adalah perkara pokok di dalam melaksanakan program UDA.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, amat perlu sekali difikirkan tentang mengadakan skim latihan bagi pegawai-pegawai di dalam UDA oleh sebab dalam melaksanakan tanggungjawabnya ini banyak berkait dengan soal-soal teknikal dan professional. Kita percaya sememangnya masalah mencari pegawai-pegawai yang cekap merupakan masalah yang universal tetapi dalam sebuah perbadanan yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program dan mempunyai matlamat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, perkara ini tidak bolehlah kita abai-abaikan. Latihan yang intensif perlu diadakan dan sekiranya perlu, sebagaimana yang diadakan di dalam Bank Bumiputra maka eloklah juga Lembaga ataupun Perbadanan Pembangunan Bandar ini mengadakan tempat ataupun institut bagi melatih pegawai-pegawai untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang ditentukan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kawalan di atas pengurusan kewangan di dalam perbadanan dan juga di dalam anak-anak syarikat. Semalam rakan kita daripada Pasir Puteh telah menyentuh dengan lebih detail soal-soal yang berkait dengan kedudukan kewangan, perjanjian usahasama yang dijalankan dengan pihak-pihak lain, maka ini menggambarkan bahawa sememangnya ada ketidakcekapan di dalam menguruskan kewangan dalam perbadanan, lebih-lebih lagi di dalam anak-anak syarikat. Kita khuatir kalau masalah ini tidak dititikberatkan ataupun kurang dititikberatkan maka kita akan mengalami banyak kesulitan dan kerugian. Jadi adalah amat perlu sekali sistem pengurusan kewangan yang lebih cekap diadakan, satu cara untuk monitor pergerakan dan pengurusan yang dijalankan oleh anak-anak syarikat juga perlu diadakan.

Saya tidak tahu sebenarnya offhand, Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak anak-anak syarikat yang ada di dalam UDA, saya kira memang lebih daripada satu dan kebanyakannya melibatkan projek-projek yang bernilai berjuta-juta ringgit. Ada juga yang menguntungkan dan banyak memberikan faedah kepada bumiputra tetapi ada juga yang gagal melaksanakan program itu.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sentuh di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini ialah soal yang berkaitan tentang program yang telahpun dilaksanakan oleh UDA setakat ini. Kita dengar kerap disebutkan bahawa UDA hanya menumpukan kegiatan di dalam bandar-bandar besar. Mungkin inilah yang menjadi matlamat pertama UDA di dalam menjalankan kegiatan-kegiatannya. Tetapi selepas kira-kira lapan tahun ia diberikan tanggungjawab maka saya yakin dengan pindaan yang baru ini dan orang yang baru yang akan mengendalikan pengurusan UDA, maka eloklah pengurusan baru ini memberikan juga perhatian untuk memperluaskan kegiatannya di kawasan-kawasan pekan kecil, bandar-bandar lain daripada bandar-bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sebagainya.

Ada setengah tempat-tempat yang telahpun di earmarked seperti di Johor Bahru umpamanya untuk rancangan UDA sehingga hari ini belum lagi dilaksanakan. Ada kawasan-kawasan itu yang asalnya digunakan oleh peniaga-peniaga kecil bumiputra dipindahkan ke tempat lain lebih daripada dua tahun umpamanya di Johor Bahru, tetapi hingga sekarang ini kawasan itu hanya menjadi kawasan tanah lapang, tempat letak kereta sahaja. Jadi perkara ini akan dikaji oleh pihak-pihak pengurusan yang berkenaan. Saya harap juga di pekan-pekan yang kecil di mana masih ramai lagi orang-orang kita Melayu khususnya bumiputra tinggal di dalam kawasan-kawasan bandar yang mempunyai tanah-tanah yang boleh dimajukan ini juga perlu difikirkan oleh pihak pengurusan baru UDA. Demikian juga soal menggalakkan usahasama di antara UDA dengan pemilik-pemilik harta bumiputra di dalam kawasan-kawasan bandar.

Satu cara yang lebih menarik insentif yang boleh disediakan oleh UDA ialah menawarkan pengurusan dan juga menguruskan kemudahan-kemudahan kewangan kepada pemilik-pemilik tanah di dalam kawasan-kawasan bandar untuk mendirikan bangunan-bangunan lebih-lebih lagi kompleks-komplek perniagaan dan sebagainya.

Di tempat saya umpamanya di Muar sahaja masih ramai orang-orang kita memiliki tanah-tanah dalam bandar yang kalau hendak dinilai bernilai berjuta-juta ringgit dan tanah ini boleh dimajukan dan saya harap

tumpuan akan diberikan untuk memajukan kawasan-kawasan luar daripada kawasan-kawasan bandar-bandar yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi pihak pengurusan UDA khususnya Ketua Pengarahnya nanti akan juga menitik-beratkan kepada menyusun semula rancangan-rancangan.

Saya ketahui di bawah tugas dan tanggungjawab UDA itu ditubuhkan banyak program-program yang hendak dilaksanakan. Tetapi kalau ini dikaji semula dan juga matlamat asal UDA itu ditubuhkan diperhatikan semula, maka saya yakin UDA akan dapat lebih spesifik di dalam menjalankan tugas-tugasnya. Ia tidak perlu memperluaskan kegiatan-kegiatan di mana umpamanya agensi-agensi Kerajaan yang lain telah terlibat.

Kita dengar dan kita ketahui umpamanya MARA ada mendirikan gerai-gerai ataupun kedai-kedai di dalam kawasan-kawasan bandar. Saya yakin ini adalah satu tugas yang mungkin bertindih kalau hendak dikira dengan peranan yang juga dimainkan oleh UDA. Dari segi itu saya yakin UDA adalah lebih sesuai dan saya harap perbincangan-perbincangan akan dapat diadakan dengan agensi-agensi yang lain yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang serupa supaya kegiatan-kegiatan itu dapat diselaraskan.

Demikian juga sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya semalam tentang kegiatan usahasama dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Saya yakin kalau umpamanya usaha ini diteruskan, kurang peluang—bukan tidak ada peluang, kurang peluang bagi orang-orang kita khususnya bumiputra untuk bersama-sama dengan UDA menjalankan kegiatan.

Memang kita sedari bahawa di kalangan kaum bumiputra masih banyak yang tidak mempunyai modal yang mencukupi dan dengan sebab itu tidak dapat mengadakan usaha sama, menjalankan projek-projek yang besar tetapi kalau dikaji semula tentang apa yang telahpun saya sebutkan lebih awal tadi, galakan-galakan, pertolongan-pertolongan, bantuan-bantuan yang boleh diberikan oleh UDA di dalam menjalankan projek usaha sama maka walaupun seseorang bumiputra itu tidak mempunyai wang dalam erti kata wang tunai, tetapi memiliki harta yang banyak, umpamanya satu milion, dua milion

dan sebagainya, saya percaya kalau pengurusan UDA itu cekap, bumiputra serupa ini boleh ditarik sama untuk menjadi rakan perkongsian di dalam satu-satu usaha sama.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya, tidaklah saya mengkritik terlalu banyak sangat tentang apa yang UDA telah lakukan tetapi ini adalah lahir daripada kesedaran dan keinsafan kita untuk melihat bahawa sebuah Perbadanan yang telahpun diberikan tugas dan tanggungjawab yang amat besar itu tidak menyeleweng di dalam menjalankan peranannya dan saya yakin dengan Yang Berhormat Menteri yang baru dan Ketua Pengarah yang baru yang akan dilantik dan saya percaya pun mungkin Pengerusi dan Lembaga-lembaga Pengarah orang-orang yang baru ataupun orang-orang yang lama yang mempunyai tenaga ataupun darah yang baru, maka UDA akan dapat mengembalikan semula imejnya sebagai sebuah Perbadanan yang betul-betul dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Pada akhirnya saya menyokong pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.16 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat dengan pindaan ini akan membawa lebih baik lagi susunan pentadbiran kepada pembangunan bandar yang mana kita tahu bandarlah satu perkara yang utama akan menjadi petunjuk kepada satu-satu negara kerana apabila seseorang itu datang melawat ke negara kita maka bandarlah dahulu tempat yang akan dituju atau tempat yang akan ditemui. Jadi kalau bandarlah begitu baik maka ini menunjukkan bahawa ianya akan menjadi satu contoh ataupun bandingan kepada pelawat-pelawat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan di sini, pertamanya kita dapat tahu bahawa ia akan mengadakan seorang Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah khasnya yang akan bertanggungjawab penuh. Kalaupun di masa yang lepas dia sebagai Pengerusi yang juga

sebagai Eksekutif yang bertanggungjawab sepenuhnya maka tentulah kita yakin bahawa Kerajaan melantik daripada orang-orang yang berkebolehan, kerana kita tahu kalau satu-satu perkara yang dilantik yang bukan ahlinya maka perkara itu tidak akan berjaya. Ini saya percaya penuh bahawa Menteri kita tentu akan mengkaji dengan teliti atas perkara ini dan kita percaya tentulah dia akan mengkaji ataupun menjalankan sebagaimana yang saya katakan tadi.

Sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan bahawa satu-satu perkara itu akan rosak kalau ditanggungjawabkan orang yang bukan ahli. Kita dalam Parlimen ini tentu tahu seseorang yang ahli dalam sesuatu bidang dan sebagaimana kata Tuan Speaker pada petang semalam iaitu satu benda yang baik itu tidak akan menjadi baik kalau tidak kena pada tempatnya. Ini saya bersetuju, apa pun semacam. Sebab itu kata pepatah: perbuat itu biarlah kena pada tempatnya. Jadi, saya percaya penuh bahawa Pengerusi itu akan dilantik daripada orang-orang yang tertentu yang pakar dalam hal pembangunan bandar. Begitu juga Timbalan Pengerusi yang akan menjadi penolongnya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, yang kita takut sekarang telah berlaku dan kerap kali berlaku baik dalam syarikat atau berbagai perbadanan Ketua Pengarahnya bijak pandai dan dialah yang bertanggungjawab penuh, begitu juga Timbalan dan Pengarah-pengarah yang lain. Tetapi malangnya kadangkala Pengerusinya yang menjadi Pengerusi mesyuarat yang juga turut bertanggungjawab akan mengambil tahu apa yang dijalankan oleh satu-satu badan itu tak begitu pandai. Orang yang kita lantik semata-mata untuk memberi tempat kepada satu-satu orang. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan kadangkala tempat itu kita kena beri tetapi biarlah kalau kita beri juga walaupun saya tak mahu kata dia tak pandai, dia tak ada dalam pejabat penuh masa macam Ketua Pengarah, tetapi biarlah dia juga tahu selok-belok apa yang dijalankan oleh lembaga yang berkenaan. Jangan buat kata orang kadangkang macam jadi Chairman pak turut, apa yang dibuat oleh Pengarah, dia pun pakai ikut sahaja. Tidak ada komen dan sebagainya. Maksud saya selain daripada Ketua Pengarah itu orang yang betul-betul pakar dalam bidangnya, Pengerusi ataupun orang yang sedikit sebanyak tahu berkenaan

pembangunan bandar. Janganlah misalnya kita lantik daripada orang bekas Duta atau yang bukan ahli pembangunan bandar. Kita jadikan Pengerusi mesyuarat bukan cukup hanya menjadi Pengerusi mesyuarat, dia juga bertanggungjawab walaupun tak sepenuh masa tetapi dia dapat selidik ataupun membuat teguran secara orang yang mengetahui dari segi itu. Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi pembangunan bandar adalah satu perkara yang amat mustahak. Izinkan saya buat misalan, bandar tidak ada kalau tidak ada kampung atau laur bandar. Sebagaimana kepala tidak ada kalau tidak ada badan. Kalau ada kepala, badan tidak ada, kepala itu akan mati dan kalau ada badan tak berkepala juga badan itu akan mati. Begitulah bandar tak akan wujud kalau tidak ada kampung, nama bandar sebab ada kampung. Kalau hendak pergi ke bandar dari kampung, kalau semua jadi bandar orang tak kata bandar itu sebagai bandar lagi. Macam kita katakan di Malaysia ada ibu negara, Kuala Lumpur, kerana tempat lain bukan jadi bandar besar, begitulah bandar-bandar kecil. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan awal tadi perancangan bandar, memperelokkan bandar patut sangat di segenap segi, baikpun kita sama-sama rakyat Malaysia dari segi ekonomi. Saya percaya apa tujuan Kementerian yang berkenaan dan tujuan Kerajaan menubuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) tak lain untuk mengelokkan bandar dan saya berani kata selain daripada itu akan beri peluang perniagaan khasnya kepada bumiputra.

Kita tahu kalaulah bumiputra hendak berniaga dengan modal sendiri tentulah tak boleh hendak buat sebagaimana hari ini melainkan dengan pertolongan Kerajaan yang menubuhkan UDA dan sebagainya. Salah satu daripadanya ialah Pembangunan Bandar yang sama-sama kita tahu dan saya bersyukur kepada Tuhan bahawa sejak wujudnya UDA walaupun ada sedikit sebanyak yang kurang baik, kerana kita sebagai manusia masakan baik dan elok segala-galanya, tetapi kalau lebih banyak yang elok dan cantik tetapi sedikit yang tak baik itu yang kita ketengahkan saya tak begitu bersetuju. Walau macam mana pun, sebagai manusia kalau yang tak baik itu patutlah dijadikan sempadan sama ada

kepada pegawai atau siapa pun untuk membaiki tugas di masa yang akan datang. Kita sebagai pihak yang sama-sama bertanggungjawab sama ada Wakil Rakyat atau Pegawai Kerajaan yang sudah naik gaji dan sebagainya akan menjalankan tanggungjawab bersama untuk membaiki imej negara di segenap bidang yang kita pegang.

Dari segi pembangunan bandar, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh: hotel, kalaulah di masa yang lepas sebelum adanya UDA boleh dikatakan hotel itu didirikan oleh pihak swasta yang keadaannya lain daripada yang dibuat oleh UDA. Saya berharap untuk membaiki lagi, walaupun benda ini sudah baik sebagai contoh saya harap sangat dari segi pembangunan ini, pada pendapat saya pembinaan hotel patut mengikut keadaan yang bersesuaian dengan masa. Saya berharap juga, Tuan Yang di-Pertua, dari segi lantikan pegawai awam yang akan dilantik nanti yang tidak kurang dari lima tetapi tidak lebih daripada sembilan kalau boleh dilibatkan sama jabatan-jabatan yang bertanggungjawab ataupun yang berkenaan.

Misalnya, Town Planning di Kuala Lumpur dindakkan sama di dalam Jawatankuasa itu sekurang-kurangnya yang bertanggungjawab dalam Wilayah Persekutuan supaya jangan terjadi macam yang terjadi kepada Hotel Abad. Pada jangka panjangnya amat merugikan walaupun tak pernah saya tidur di situ, kadangkala saya pergi ke sana, berpendapat Hotel Abad untuk jangka panjang perniagaannya amatlah sedih. Kalau tak silap saya masa dibina Hotel Abad itu oleh UDA berhampiran dengan highway ke Subang atau ke Klang tetapi apabila Kerajaan Persekutuan merancang mengadakan highway atau jalan yang berkenaan terlampau dekat dengan Hotel Abad, maka dengan sebab itu terpaksa mengambil jalan lain yang lebih kurang satu batu untuk pergi ke Hotel Abad. Maka dengan sebab itu akan menjadikan salah satu sebab Hotel Abad tak begitu suka dikunjungi oleh orang luar oleh kerana jalan yang amat payah untuk naik ke Hotel Abad itu.

Yang kedua, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, biarlah makanan-makanan dan gerai-gerai juga ada berhampiran di situ. Ini maksud saya penyelarasan jangka panjang bila hendak dibina satu-satu bangunan itu ada rancangan, jangan kita buat tahun ini tahun hadapan tak maju sebagainya sebab tidak

ada tindakan penyelarasan oleh pejabat-pejabat kerajaan. Ini saya contohkan pertamanya Abad Hotel.

Yang kedua, saya contohkan Travel Inn, saya kadang-kadang hendak tergelak. Di situ saya bersetuju dengan kompleks yang begitu tinggi, ada stesen teksi di bawahnya menasabah, tetapi stesen bas tak menasabah. Ada orang yang datang dengan bas tidur di Travel Inn tetapi jarang berlaku, kerap kali yang tidur di Travel Inn yang datang dengan motokar sendiri dan kerap kali dengan kapal terbang dan sebagainya. Apabila datang dengan bas ke Travel Inn, di bawah ada stesen teksi, dia sewa teksi pula ke Jalan Raja Laut atau Jalan Tiong Nam dan sebagainya cari tempat menginap, tak beresuaian pada pendapat saya. Alangkah baiknya kalau kita adakan pasar seperti supermarket dan sebagainya yang sesuai dengan hotel yang begitu indah dan berhawa dingin. Ini saya rasa patut dibuat kajian pada jangka panjang. Ini saya tak boleh nafikan dan saya percaya pihak pegawai UDA tak nafikan, yang datang dengan bas tetapi cari hotel di Jalan Raja Laut, tak tidur di Travel Inn. Cuba kita tengok Holiday Inn yang dibina oleh UDA di hadapannya tersergam hotel-hotel besar termasuk Hotel Merlin dan hotel besar di sekelilingnya. Jadi kalau ada seorang peniaga yang mempunyai kedai yang cukup besar yang laris dan indah, kita akan buka kedai kecil di tepinya barangkali bila barang tak cukup baru orang pergi kedai kita. Selain daripada itu, suasana makanan yang tak begitu memuaskan. Jadi saya berharaplah di masa yang akan datang sebelum melakukan sesuatu projek pembangunan hotel dari segi perniagaan dan sebagainya dikaji dari segi jangka panjang supaya beresuaian, kita buat untuk setiap peringkat yang ada dalam negara kita, biarlah sesuai.

Sesudah saya sentuh pembangunan luar, saya bawa pula ke dalam. Saya cukup seronok dan terima kasih sebagai manusia yang beragama, kita tak marah kepada orang-orang bukan Islam kerana kepercayaan masing-masing, saya biasa dengar daripada kawan-kawan, saya berkawan dengan yang bukan beragama Islam, dia kata: Kami senang tak ada benda yang haram bagi kami, larat digigit oleh gigi, masuk dalam mulut semua halal, tidak ada yang haram. Tetapi bagi yang beragama Islam benda yang haram tetap haram. Tetapi kadang-kadang benda haram itu ada orang Islam yang minum arak, tetapi jijik bagi Melayu itu terlampau kuat, walau-

pun ada yang jijik kerana selalu bergaul terutama macam daging babi—maaf, Tuan Yang di-Pertua—di hotel-hotel besar di negara kita, saya amat sedih.

Saya amat sedih diletaknya makanan-makanan untuk semua orang boleh makan, tetapi kita bersyukur kepada Tuhan kerana makanan yang boleh dimakan secara Islam, semua bangsa boleh makan, semua agama boleh makan. Tetapi kita hendak larang hotel-hotel lain mengapa awak sajikan sama makanan ini? Dia kata, aku majikan, peduli apa hang wakil Kangar. Itu betul juga. Peduli apa, aku majikan, aku jadi taukeh, dia saji juga. Ini banyak berlaku bukan kata di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak tetapi dalam Kuala Lumpur ini pun banyak tempat seperti itu, kadang-kadang takut kita hendak makan. Saya bersyukur kepada Tuhan dan saya yakin hotel-hotel yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Bandar iaitu UDA, satu tempat pun tidak ada, kita ucapkan syabas dan terima kasih. Dengan sebab itu saya berharap, kalau boleh, untuk mensetandingkan hotel-hotel yang banyak di negara kita ini, Perbadanan Pembangunan Bandar patutlah memperbanyakkan hotel-hotel antarabangsa supaya ia beresuaian, kerana kita hendak menjaga imej negara kita, sekurang-kurangnya setahun sekali kita adakan pertandingan membaca Quran, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin peserta-peserta yang datang untuk bertanding membaca Quran, kerana Quran mengikut hukumnya mesti dibaca melainkan orang yang tidak beragama Islam. Saya tidak kata boleh membaca Quran, tetapi Quran adalah kurniaan Tuhan, bukan kurniaan wakil Kangar. Quran hendaklah dibaca oleh orang yang beragama Islam maka orang yang beragama Islam kalau makan benda yang haram, saya minta izin, "Al hamru walmaisir haram" arak dan judi itu haram, daging babi itu haram.

Alangkah malunya, Tuan Yang di-Pertua, apabila datang pelawat-pelawat ini yang saya kata tadi pada masa membaca Quran, mereka akan tinggal di hotel yang besar-besar, seperti Merlin Hotel dan sebagainya dan apabila mereka hendak makan, mereka akan berkata, inilah caranya negara Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi, tetapi banyak dalam hotel-hotel yang

besar ada makanan yang tidak halal. Kita tidak larang jangan makan, tetapi makanlah di tempat yang bukan di depan orang ramai.

Saya berharap UDA atau Perbadanan Pembangunan Bandar akan mengambil alih tempat ini kalau tidak semua pun untuk menjadi satu tempat bagi orang-orang yang datang jauh khususnya negara-negara Islam yang datang menginap di sini. Kita ada majikan, kita boleh sanjung, kita boleh lakukan apa kehendak kita. Kalau kita bukan majikan, kalau kita hendak cakap, siapa hendak dengar. Itulah katanya majikan dia. Di bidang pembangunan hotel di Kuala Lumpur ini sangatlah maju begitu juga pembangunan kompleks perniagaan, saya harap biarlah bersesuaian.

Saya berharap hotel-hotel yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar hendaknya janganlah ada berlaku makanan yang tidak menasabah dan pembangunan hotel-hotel ini hendaklah diperbanyakkan lagi oleh Perbadanan Pembangunan Bandar.

Saya berharap kalau boleh digalakkan, saya tidak mahu puji orang Kelantan atau Trengganu, kerana apa yang saya dapati perkara ini adalah benar. Saya tidak ada kata saya wara' tetapi kewajipan seorang Islam kenalah sembahyang, kerana sembahyang itu tiang agama, tidak sembahyang merosakkan agama. Kadangkala kita tidak tahu qiblat, takkanlah kita hendak sediakan, hendak membawa atau membeli jam qiblat, semua orang tidak ada duit hendak beli jam itu. Saya pun tidak ada jam qiblat, bila berubah tempat, kita tidak begitu faham tempat yang kita hendak jadikan qiblat sembahyang. Ramai kawan-kawan saya yang datang daripada Perlis sembahyang celang-celi, maknanya tidak ketentuan qiblat, ada setengahnya menghadap matahari naik, utara dan selatan selepas itu kali yang kedua, barulah mereka tahu. Alangkah bahagianya kalau kita ke Kota Bharu atau ke Kuala Trengganu, saya bukan hendak memuji tetapi saya bersyukur kepada Tuhan bahawa di bilik hotel itu ditulis qiblat, dibuat anak panah. Saya berharap hotel-hotel yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Bandar akan mengambil contoh ini. Sebagaimana yang kita maklum bahawa agama Islam ialah agama rasmi, apatah lagi Menteri kita yang bertanggungjawab pun beragama Islam.

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana Kota Bharu dan Kuala Trengganu seperti apa yang saya kata tadi ada dilakukan dan boleh juga diselitikan dengan diberi petunjuk kepada kita. Ini satu contoh yang baik kepada hotel kita, kerana saya percaya Perbadanan Pembangunan Bandar akan membuat banyak hotel dan hari ini yang saya tengok ada 3-4 hotel yang saya tahu, yang saya tidak tahu wallahu 'alam. Di Kuala Lumpur ada Travel Inn—Pembangunan Bandar buat, Holiday Inn—nama cukup special, semua nama Inggeris, saya fikir kalau boleh ubahkan nama Melayu. Abad Hotel yang namanya Melayu, Indera Hotel itupun mengambil sempena kerana anak Perlis datang daripada Indera Kayangan jadi mengambil bersesuaian dengan Perlis dan dinamakan Indera Hotel. Itu kepunyaan UDA dari Pengurusnya sampai ke bawah pun UDA punya—saya cukup gembira tentang hidangan makanannya, tinggal lagi tempat sembahyang seperti saya kata tadi tidak ada ditunjukkan qiblat. Jadi saya harap apa yang saya katakan ini diambil perhatian, kerana selain daripada kita hendak mencari pembangunan, kita juga hendakkan didikan rohani, tiap apa yang kita buat matlamatnya adalah ke situ juga.

Saya amat dukacita bahawa ada setengah-setengah hotel bukan sahaja di Malaysia Timur tetapi juga di Malaysia Barat ini ada diselitikan di dalam laci dengan berbagai-bagai panduan untuk masuk ke agama lain di mana dalam bilik hotel itu ada diletakkan bible dan sebagainya. Saya rasa amat sedih seolah-olah kita ini mudah mengikut, tetapi mengapa kita dibuatnya begitu sedangkan itu hak kita. Kerajaan dinamakan Kerajaan Barisan Nasional yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi yang boleh dikatakan pemimpin yang besar yang bertanggungjawab dan sebagai pengarah. Saya berharap di masa-masa akan datang ianya dapat diperhatikan.

Saya percaya kepada Perbadanan Pembangunan Bandar dan setakat hari ini saya mengucapkan tahniah dan syabas walaupun tidak 100% mendapat kejayaan tetapi saya percaya kejayaan itu sudah nampak terbayang. Saya harap banyakkan lagi dalam bidang ini, kerana kalau kita hendak tumpu pada swasta, majikan-majikan lain tentu dia mengikut kehendak dia; kita harap UDA

yang telah diberi keutamaan oleh Kerajaan segala-galanya akan memainkan peranan yang cukup penting.

Di sini Perbadanan Pembangunan Bandar seperti yang kita tahu akan mendirikan bermacam-macam hotel, kompleks-kompleks perniagaan dan sebagainya dan kompleks-kompleks ini, saya berharap kajian yang teliti akan dijalankan. Saya contohkan iaitu Kompleks Pertama di Kuala Lumpur. Saya jarang pergi tetapi sekali-sekala ke situ juga, yang menyedihkan saya di belakang tempat orang jalan dan walaupun ada orang lalu, di tempat parking keretapun payah mendapat tempat maka di situlah ditempatkan gerai bumiputra, tetapi di tengah-tengah yang ada parking kereta untuk naik membeli-belah yang selesa dan sebagainya, tempat itu diberi kepada bukan bumiputra. Jadi menghinalah kita kepada orang bumiputra sendiri, bumiputra tidak boleh berniaga, bumiputra tidak pandai berniaga, tetapi tempat yang kita beri tidak begitu menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu bangunan mengikut keadaan, kalau perniagaan dapat untung banyak, dia sewa mahal tetapi kalau sesuatu tempat yang kita bagi tidak begitu baik walaupun dia sewa murah, akhirnya dia kena tutup juga kedai itu. Saya berharap tiap-tiap satu kompleks yang akan didirikan atau tempat yang akan dibahagikan khasnya kepada bumiputra, hendaklah dibuat kajian yang mendalam, jangan buat kata orang, kita sudah bagi. Ini saya harapkan apa yang saya katakan ini seperti yang saya nampak dan lihat dengan mata saya sendiri supaya diberi perhatian.

Saya juga berharap supaya perkara-perkara ini akan diperbaiki untuk kebaikan Kerajaan kita bersama. Saya percaya bahawa pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai yang ada dalam UDA dan yang akan dilantik kebanyakannya terdiri daripada kaum sejenis dengan saya, sejenis dengan wakil Kangar, seagama dan sebagainya. Maka harapan saya ialah supaya perkara ini akan dapat diatasi. Ini bukan saya hendak menghentam, kerana kerja menghentam adalah kerja orang yang tidak bertanggungjawab. Tetapi benda itu kalau kita tahu, kita tidak tegur, amatlah berdosa bagi kita sesama Islam, sesama manusia, itulah harapan saya dari segi ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya katakan tadi di segi imej kampung dan negara. Bila orang datang ke negara

kita orang tengok segala tulisan; kebanyakan bangunan-bangunan ditulis dengan bahasa-bahasa lain yang tidak payah saya sebut di sini. Saya takut bila datang orang melawat sepintas lalu, sekali gus datang ke Kuala Lumpur seolah-olah negara Malaysia yang berbilang kaum ini dikatakan bukan bumiputra yang ramai, dan begitulah boleh jadi dituduh seluruh Malaysia keadaan yang ada macam Kuala Lumpur, segala tulisan bukan tulisan kebangsaan. Jadi saya berharap tulisan-tulisan ini kalau boleh kita buat cara imej kebangsaan kita, Bahasa Kebangsaan dan sebagainya. Di tempat yang lain, kalau kita hendak kata dalam Dewan yang mulia inipun kerap kali dikatakan berkenaan bahasa dan sebagainya. Payah kita hendak hukum yang bukan kerja kita, orang lain menjadi tuan, kita hukumpun kadang-kadang dia jawab lain. Kerana bila orang datang ke sini macam saya kata tadi, ini menunjukkan imej negara orang tengok Kuala Lumpur. Orang bukan hendak pergi melawat ke Kangar atau ke kampung, bila dia datang ke Kuala Lumpur, kita kata: "Oh! begini rupanya Malaysia, kedai ini menjual benda haram—dia mesti anggap begitu sepintas lalu, sekali gus". Sebab itu kadang-kadang latar belakang itu kita amat dukacita kerana dia tengok apa ada dalam ibu negara Kuala Lumpur.

Saya berharap Pembangunan Bandar yang akan menjadi satu badan penggerak yang diharapkan oleh Kerajaan membaiki apa yang saya katakan sekali gus di segenap bidang baik dalam dan luar; cara pembangunan hotel dan pembangunan kompleks perniagaan dan sebagainya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu Kuala Lumpur adalah sebagai ibu negara kita, di samping itu ada juga berbagai-bagai kepala negeri macam Kangar dan sebagainya. Saya bersetuju dengan pendapat kawan saya dari Pagoh tadi, janganlah kita tumpukan semata-mata di Kuala Lumpur sahaja, tumpukanlah ke bandar-bandar lain baik bandar besar ataupun bandar kecil misalnya saya contohkan di negeri saya Perlis. Hari ini kebanyakan orang pergi ke Kuala Perlis yang walaupun bukan besar tetapi dia juga ada perhubungan khasnya dengan Setoi dan juga dengan Langkawi tetapi bila hendak menginap, hendak tidur di Perlis tidak ada tempat. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji lumayan ataupun yang berpangkat tinggi sedikit bila

ke Kangar balik tidur di sebuah hotel di Alor Setar yang dekat dengan Dewan Negeri—saya tidak ingat sebab hotel ini saya kurang jelas

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah sebut, teruskan sahaja!

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak payah saya sebutkan. Jadi mereka tidak menginap di sana kerana di Kangar tidak ada hotel, tidak ada hotel di Kuala Perlis. Apatah lagi kalau di Padang Besar, kalau hendak menginap pun terus ke Haadyai walaupun kadang-kadang orang yang menginap ini bukan semata-mata tujuannya tidak baik tetapi kerana tidak ada tempat hendak menginap.

Saya berharap kepada Pembangunan Bandar selain daripada membangunkan pekan-pekan yang besar, bangunlah juga di pekan-pekan, terutama ibu negara macam di Kangar sendiri yang hari ini tidak ada satu hotel yang agak istimewa sedikit. Saya berpendapat ada satu tanah yang terletak di tengah pekan Kangar, amatlah baik sekali UDA ataupun Pembangunan Bandar mengambil alih ataupun berunding dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri yang juga di bawah satu Kementerian; mengadakan sebuah bangunan yang besar bertingkat-tingkat mengikut jangka panjang. Saya berharap sangat biarlah Pembangunan Bandar ini macam saya katakan tadi kalau hendak membangunkan satu-satu bangunan biarlah mengikut jangka panjang kerana kita tahu keadaan manusia telah bertambah tetapi tanah tidak berlebih, biarlah kita bangun bertingkat-tingkat walaupun tempat itu misalnya Kangar dan sebagainya dan biarlah kompleks itu cukup dengan hotel dan lain-lain keperluan supermarket dan sebagainya supaya dengan ini dapatlah tanah kita boleh jimatkan dan pembangunan kita boleh utamakan di segenap bidang, di segi penginapan; pembelian dan sebagainya. Saya berharap sangat kepada Perbadanan Pembangunan Bandar yang dengan pindaan ini akan menjadi kebaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam Rang Undang-undang ini kita akan melantik Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah dan saya berharap kalau boleh Pengarah-pengarah di tiap-tiap negeri sepatutnya Pengarah Perancang Bandar yang akan bekerjasama dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri, yang

ketuanya di sini. Pendek kata perancangan ini hendaklah diadakan selalu kerana hari ini kita dapat macam mana saya kata tadi, ada setengah-se'engah tempat itu boleh dikatakan membangun, setengah tempat itu tidak membangun kadang-kadang disebabkan kekurangan kewangan dan sebagainya.

Saya berharap dengan terlaksananya pindaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, yang mana akan ditambah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, kita yakin dengan tambahan ini akan membawa kebaikan. Tetapi kalau sekadar Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarahnya ada, tentulah ini kita berani kata berpusat di Kuala Lumpur. Biarlah ada dalam negeri sebab yang saya tengok dalam Rang Undang-undang ini boleh dilantik oleh Ketua Pengarah ataupun oleh Lembaga Pembangunan Bandar dengan disetujui oleh Menteri, boleh dilantik Pengarah-pengarah tambahan kalau difikirkan perlu.

Dengan sebab itu, saya syorkan bagi tiap-tiap negeri adakan Pengarah-pengarah Perancang Bandar yang ada hubungan bersama dengan Pengarah Pusat tadi. Ini saya harap sangat supaya negeri kita ini walaupun kita yakin kita tidak mahu bandar Alor Setar atau bandar Kangar semacam sama besar dengan bandaraya Kuala Lumpur tetapi biarlah tiap-tiap bandar itu setimpal dan kalau boleh janganlah pelancang yang datang ke Kangar balik menginap di Alor Setar dan sebagainya, sebab perkara ini kerap kali berlaku. Saya harap dengan adanya badan ini, dengan adanya pindaan ini akan menjadi kebaikan dan tidak akan berlaku lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan macam mana saya sebut tadi disegi penginapan, imej dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi berharap kepada Kementerian yang berkenaan apa yang saya katakan tadi di segi hotel dan sebagainya akan menjadi perhatian untuk kebaikan kita bersama baik-pun imej dalam negara kita apatah lagi imej negara kita bila diadakan pertandingan Membaca Al-Quran dan sebagainya bila semua hotel kita akan menginap oleh semua bangsa terutama yang seagama dengan kita sebagaimana yang saya katakan tadi kerana perkara ini betul-betul berlaku dan menjadi satu rintihan apatah lagi kepada kaum bangsa kita sendiri yang beragama Islam di atas apa yang berlaku tadi.

Saya berharap sangat dengan pindaan Rang Undang-undang ini banyak lagi hotel-hotel yang akan dibangunkan sebagaimana yang saya katakan tadi dilakukan di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini dengan sepenuhnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.49 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan) 1980 dan di samping itu saya juga ingin mengemukakan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan juga membuat sedikit teguran tentang perjalanan dan pelaksanaan tugas-tugas UDA selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan UDA, iaitu Perbadanan Pembangunan Bandar dalam bahasa Melayu, adalah dengan objektif dan tugas-tugas yang hendak dilaksanakan itu telah memberi harapan begitu tinggi sekali kepada bumiputra. Kaum bumiputra tidak sabar-sabar melihat kejayaan yang secepat mungkin yang akan dibuat oleh pihak UDA. Oleh itu jika kita mendengar banyak cakapan banyak tuduhan, banyak cadangan-cadangan sama ada banyak cadangan-cadangan itu yang mengenai perjalanan UDA dan peranan UDA selama ini dicakapkan oleh orang-orang Melayu dan pertubuhan-pertubuhan peniaga Melayu, ini ialah kerana harapan mereka seperti yang saya katakan tadi begitu tinggi untuk melihat kaum bumiputra, orang-orang Melayu khususnya lebih ramai yang dalam bandar dan bergiat dalam lapangan perniagaan. Kalau saya tidak silap UDA telah dilahirkan pada tahun 1971 iaitu dua tahun selepas berlakunya peristiwa atau tragedi 13 Mei, 1969. Berlakunya tragedi 13 Mei 1969 itu ada hubungan yang paling rapat, mempunyai pertalian yang erat dengan penubuhan UDA itu. UDA ditubuhkan untuk memenuhi hasrat rakyat bumiputra dan Kerajaan untuk melihat ramai bumiputra menjadi penduduk dalam bandar dan terlibat dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Kalau kita lihat selama ini kegiatan UDA banyak ditumpukan, boleh dikatakan 80%

daripada pembangunan UDA ini ditumpukan, dalam bandar Kuala Lumpur iaitu Ibu Kota negara kita negara Malaysia dan saya tidaklah hendak menegur ataupun tidak membangkang tentang projek-projek yang 80% itu dilaksanakan dalam ibu negara. Ini barangkali untuk mencerminkan kepada pelawat-pelawat dari luar bahawa di ibu negara ini juga ada pihak bumiputra mengambil bahagian dalam bidang-bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan dan hasrat utama UDA ini untuk memberi tempat-tempat atau peluang-peluang perniagaan didalam bandar kepada bumiputra ini pada pandangan dan pendapatan saya tidak akan tercapai maksudnya, tidak akan berjaya sepenuhnya jika sekiranya masih ramai orang-orang bumiputra ini tinggal di luar bandar. Selagi masih ramai atau majoriti orang-orang bumiputra tinggal di luar bandar maka selama itulah hasrat dan objektif UDA ini tidak akan tercapai sepenuhnya. Kalau tercapai pun barangkali tidak sampai 20% atau 30%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kita tidak hairan dan saya tidak hairan mengapa orang-orang bukan bumiputra terutama orang-orang Cina sangat maju, sangat berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Kalau dilihat kepada banci penduduk-penduduk hampir 80% penduduk-penduduk bandar ini adalah terdiri daripada orang-orang Cina dan orang-orang India. Inilah faktor utama mengapa orang-orang Cina dan orang India sangat maju dalam bidang perniagaan. Sebab keadaan alam sekeliling, suasana disekitarnya telah mendesak telah mempengaruhi orang-orang ini, mereka tidak ada pilihan yang lain, mereka tiada alternatif selain daripada bergiat dalam bidang perniagaan untuk hidup. Tetapi orang-orang bumiputra yang rata-rata 90% tinggal di luar bandar mereka tidak terdedah, mereka tidak dapat melihat bagaimana untungnya, bagaimana berjayanya kalau mereka ini masuk dalam bidang perniagaan sebab keadaan alam keliling mereka ini dengan pohon-pohon dan tanaman-tanaman tidak memberi perangsang, tidak mendorong mereka ini masuk bergiat dalam bidang perniagaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan untuk menjayakan sepenuhnya objektif-objektif UDA, UDA hendaklah menumpukan perhatiannya atau pembangunannya atau perancangannya lebih banyak kepada perumahan dalam bandar-bandar dengan tujuan memberi peluang lebih ramai orang bumiputra tinggal dalam bandar. Apabila ramai bumiputra ini tinggal dalam bandar maka mereka ini akan terdedah dengan suasana perniagaan dan perusahaan. Maka setelah kita melihat ramai bumiputra ini bergiat dalam bidang perniagaan maka barulah pihak UDA menjalankan peranannya atau tugasnya yang kedua iaitu membangunkan kompleks-kompleks perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan UDA selama ini, maksud saya kegagalan UDA dalam membina kompleks-kompleks perniagaan selama ini, tidak dapat disertai oleh bumiputra kerana bumiputra ini tidak mampu untuk bersaing dengan peniaga-peniaga bukan bumiputra yang telah jauh maju yang telah lama maju. Kalau kita ibaratkan kepada manusia, bumiputra ini dalam bidang perniagaan yang sedang merangkak pada hal orang bukan bumiputra sudah berlari 100 meter, 200 meter. Mereka ini baru merangkak dan belajar hendak berjalan, dan pihak UDA minta orang bumiputra ini bersaing dengan orang yang dapat lari laju sedang bumiputra ini masih merangkak. Di manakah lojiknya?

Saya tidak menyalahkan pihak UDA selama ini sebab UDA ini hendak memenuhi hasrat yang begitu tinggi dari pihak bumiputra. Saya yakin kalau sekiranya kita jalankan projek-projek perumahan terutama dalam kawasan-kawasan bandar menempatkan lebih ramai bumiputra dalam bandar maka bumiputra juga boleh maju dalam bidang perniagaan. Hujah saya ini boleh dibuktikan. Kalau dahulu kita perhatikan di pasar besar Chow Kit, siapakah ahli perniagaannya? Hampir 99% terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Tetapi kalau kita lihat hari ini di pasar besar Chow Kit barangkali kalau saya tidak silap 40% sudah ada peniaga-peniaga bumiputra. Mengapa perkara ini berlaku, kerana ramai bumiputra tinggal di Kampung Baru, Datuk Keramat, Keramat Dalam dan Keramat Tambahan. Mereka sudah terdedah dengan suasana-suasana perniagaan dan perindustrian. Maka keadaan

suasana keliling ini telah mendorong, telah memberi semangat, telah memberi inspirasi kepada bumiputra ini untuk bergiat dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya harap pihak UDA akan lebih menumpukan rancangan-rancangan atau projek-projek untuk membina lebih banyak rumah-rumah dalam bandar dan setiap projeknya peratus atau kuotanya hendaklah diberikan sekurang-kurangnya 80% kepada bumiputra sebab selama ini projek-projek swasta tidak ramai bumiputra dapat membeli rumah-rumah yang begitu tinggi harganya dan kebanyakannya telah dimonopoli oleh orang-orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya cadangkan ini berdasarkan kepada kejayaan UDA selama ini. Sebagai contohnya, projek-projek perumahan UDA iaitu Taman Tun Dr Ismail di mana saya mendapat maklumat daripada pihak UDA sendiri lebih daripada 65% pemiliknya adalah terdiri daripada bumiputra. Ini yang kita kehendaki. Kita bangunkan perumahan setelah perumahan banyak, ramai bumiputra mendudukinya barulah dirancangkan kompleks-kompleks perniagaan. Kompleks-kompleks perniagaan yang dibuat oleh UDA selama ini tidak mendapat kejayaan, maksud saya tidak disertai oleh ramai bumiputra kerana bumiputra ini sangat kurang dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya harap bukan sahaja dalam kawasan Ibu Kota, bukan sahaja dalam kawasan Wilayah pihak UDA membangunkan rancangan perumahannya, tetapi kalau boleh untuk masa akan datang pihak UDA mestilah merancang perumahan-perumahan di mana di dalam bandar-bandar yang kurang didapati bumiputra seperti di Ipoh, Pulau Pinang, Seremban, Johor Bahru dan sebagainya. UDA mestilah menumpukan projek perumahan di dalam bandar-bandar di mana sangat kurang bumiputra tinggal.

Satu lagi contoh projek perumahan yang telah dibuat oleh UDA dan mendapat kejayaan ialah Subang Jaya. Saya tidak dapat memberi perangkaan yang tepat, tetapi peratusnya lebih daripada 50% bumiputra yang sudah memiliki rumah-rumah di Subang Jaya. Kalau dalam bidang ataupun kompleks perniagaan ini bumiputra tidak dapat menyertainya, boleh jadi disebabkan

kelemahan-kelemahan mereka sendiri maka UDA sepatutnya menumpukan dalam bidang perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin memperkatakan tentang usaha sama antara UDA dengan bukan bumiputra. Lebih daripada dua puluh buah anak-anak syarikat usahasama di antara UDA dengan bukan bumiputra dan ada setengah-setengahnya syarikat-syarikat usahasama ini saya faham dan saya telah diberitahu ekuitinya atau peratus penyertaan UDA tidak sampai 50%. Ada yang 30%, ada yang 40%, ada yang 20%. Kita sedia maklum bahawa di dalam syarikat usahasama ini pihak majoritilah yang mempunyai kuasa menentukan dasar. Saya ingin bertanya untuk apakah UDA menyertai usahasama di mana peratusnya kurang daripada 50% atau mereka tidak menjadi majoriti dalam syarikat usahasama ini. Cacatnya boleh saya nampak atau boleh saya kemukakan. Pihak-pihak ini akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada pada UDA mengeksploitasikan kuasa-kuasa ini untuk kepentingan mereka sendiri. Ini yang saya nampak. Faedahnya kurang saya nampak.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap mana-mana anak-anak syarikat, di mana UDA hanya mempunyai peratus yang kecil, yang tidak mempunyai suara yang tidak membolehkan dibuat dasar begitu begini, patut dikaji semula sama ada penyertaannya hendak diteruskan ataupun pihak UDA boleh membeli atau mengambil-alih syer yang lebih besar supaya UDA dapat melaksanakan tugas-tugas dan objektifnya. Oleh sebab terlampau banyak syarikat usahasama ini ditubuhkan oleh UDA, maka pegawai-pegawai UDA yang ada itu tidak mempunyai masa atau waktu yang cukup untuk meneliti urusan perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Maka saya mendapat faham banyak daripada syarikat-syarikat ini telah mendapat kerugian. Kerugian bukan dalam bidang perniagaan, kerugian ini adalah disebabkan oleh pihak yang sebelah lagi, telah mengeksploitasikan seperti yang telah saya katakan tadi daripada kelemahan-kelemahan yang ada dalam UDA oleh sebab pegawai-pegawainya terlibat dengan begitu banyak rancangan, terlibat dengan begitu banyak syarikat-syarikat usahasama, mereka ini tidak mempunyai waktu yang cukup untuk meneliti perjalanan perniagaan tersebut.

Di dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pihak UDA selain daripada kakitangannya melantik Pengarah-pengarah ini terdiri dari orang-orang lain yang mempunyai kebolehan, kemampuan dalam bidang perniagaan ini, supaya dengan itu mereka yang dilantik ini akan dapat memberi tumpuan, memberi perhatian yang lebih tentang perjalanan syarikat-syarikat usahasama yang disertai oleh UDA itu. Saya harap pihak UDA akan membuat syarikat usahasama ini terutama sekali dengan pihak bumiputra. Sebab kita tahu pihak UDA dengan Akta ini mempunyai kemampuan yang lebih daripada syarikat-syarikat biasa. UDA boleh mengambil tanah di mana-mana juga seperti kuasa yang ada pada Kerajaan negeri. UDA juga mempunyai kemampuan untuk memanggil mana-mana pegawai yang didapati sengaja melengah-lengahkan kelulusan pelan dan lain-lain kelulusan yang bersangkutan dengan pembinaan ataupun kemajuan sesuatu projek itu.

Sebagai contoh, saya tunjuk usahasama pihak UDA dengan sebuah syarikat kerjasama di Pulau Pinang. Dengan adanya UDA dalam usahasama ini maka segala pelan-pelan atau segala rancangan ini dapat dijalankan lebih cepat daripada biasa, sebab jabatan-jabatan yang berkenaan ini bimbang kalau mereka melengah-lengahkan kelulusan sesuatu pelan, mereka ini akan dipanggil ataupun akan disoal jawab oleh pihak UDA. Ini untungnya UDA ini dapat berusahasama dengan syarikat-syarikat bumiputra dan saya harap usahasama ini kalau dengan bukan bumiputra mestilah UDA ini memegang majority share ataupun saham yang majoriti kalau tidak janganlah pihak UDA mengadakan usahasama dengan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan Undang-undang yang baharu dan dengan bantuan dan tunjuk ajar dari seorang Menteri yang baharu yang kita tahu mempunyai kelulusan dalam bidang ekonomi, kita harap UDA akan lebih cepat mencapai objektif-objektifnya. Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Gerik.

5.11 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. Sebelum menyarankan sesuatu di dalam membahaskan usul ini, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang baharu dilantik untuk bertanggung-jawab berkenaan dengan UDA dan saya juga ingin mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada sesiapa juga yang dilantik untuk menjadi Ketua Pengarah UDA.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menyarankan sesuatu juga saya ingin merujuk kembali kepada sebab-musabab mengapa UDA ditubuhkan. UDA ditubuhkan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu matlamat yang kedua menyusun semula masyarakat. Selain daripada menyusun semula masyarakat UDA juga dipertanggung-jawabkan untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra di bidang perdagangan dan perniagaan dalam jangka masa 20 tahun. Selain daripada itu UDA juga telah dipertanggungjawabkan untuk bergerak di bidang pembangunan bandar. Dalam melaksanakan usaha-usaha ini sudah tentulah UDA terpaksa juga bertanggungjawab berkenaan dengan masalah-masalah sosial dan juga masalah-masalah sosio-ekonomi yang akan timbul daripada pembangunan bandar. Dan dengan itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mempertanggungjawabkan UDA kepada masalah-masalah yang ada di bandar Kuala Lumpur, di bandar Ipoh, di bandar Johor Bahru, di bandar Seremban, di Pulau Pinang dan sebagainya. Dan sebagai tanggung jawab ini sebelum saya sebutkan satu persatu terlebih dahulu saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pada tahun yang akan datang ini untuk memberi peruntukan tambahan yang besar kepada UDA kerana sebagaimana yang kita sedia maklum dalam masa membahaskan usul yang telah dibentangkan ini, banyak sekali peranan-peranan yang telah disarankan untuk dimainkan oleh UDA. Oleh itu saya menyarankan satu peruntukan tambahan yang besar diberikan kepada UDA kerana selama hari ini UDA telah ditubuhkan. UDA telah dibentuk untuk menyalut seruan bumiputra supaya kita

juga dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat.

Saya ingin menyokong saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tanpa satu penyusunan semula masyarakat yang betul-betul berkesan maka sudah tentu matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk mencapai hasrat dan cita-cita di mana bumiputra akan dapat mencapai matlamat 30% penyertaan dalam ekonomi sama ada dalam perdagangan ataupun dalam perniagaan tidak akan tercapai. Hari ini kita tahu ramai sekali penduduk-penduduk luar bandar datang berhijrah ke Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran negara. Di Kuala Lumpur inilah terdirinya gudang-gudang, kilang-kilang yang besar-besar dan oleh kerana adanya maigrasi daripada penduduk-penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur hari ini berbagai masalah sama ada masalah sosial ataupun masalah sosio-ekonomi telah timbul di Kuala Lumpur. Misalnya masalah-masalah setingan, masalah-masalah kekurangan air, masalah tidak ada bekalan api di setengah-setengah tempat di Kuala Lumpur, masalah kos kehidupan yang melambung tinggi, masalah tidak cukupnya perumahan di Kuala Lumpur, masalah tidak cukupnya pengangkutan di Kuala Lumpur, masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, kesemuanya ini timbul ialah kerana adanya maigrasi penduduk-penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur. Oleh itu, saya ingin menyokong seranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya UDA memainkan satu peranan yang lebih positif iaitu untuk menyusun semula masyarakat, menyusun semula bandar-bandar di seluruh negara ini. Setakat yang kita tahu hari ini UDA hanya telah memainkan satu peranan yang positif di Kuala Lumpur iaitu di dalam Wilayah Persekutuan. Tetapi kalau kita lihat misalnya di Johor Bahru, di Ipoh, di Pulau Pinang dan sebagainya peranan dimainkan oleh UDA setakat hari ini sungguhpun berkesan tetapi sangatlah kecil sekali. Itulah sebabnya pada permulaan tadi saya telah menyarankan supaya peruntukan yang lebih besar, kalau boleh digandakan sekali lagi peruntukan ini, supaya UDA dapat memainkan satu peranan yang lebih positif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah difahamkan iaitu UDA tahlupun menubuhkan sebuah syarikat induk yang diberi nama

PEREMBA Berhad. Tujuan UDA menubuhkan syarikat ini ialah untuk menjaga kepentingan-kepentingan UDA di dalam anak-anak syarikat yang telah ditubuhkan oleh UDA. Saya ingin menyarankan di sini iaitu oleh kerana UDA juga telah disusun semula di mana Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak lagi mempunyai kuasa eksekutif dan sebaliknya Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah akan mempunyai kuasa-kuasa eksekutif, saya juga ingin mencadangkan supaya di masa-masa yang akan datang pegawai-pegawai yang bertugas dengan UDA tidak akan dilantik lagi menjadi Pengarah-pengarah di dalam anak-anak syarikat UDA.

Saya dapat tahu dengan tertubuhnya PEREMBA Berhad ini ramai pegawai-pegawai yang bertugas dengan UDA dan kalau dahulunya menjadi Pengarah kepada beberapa syarikat UDA yang sudah tentu mendapat keistimewaan sebagai Pengarah-pengarah syarikat, misalnya untuk berjalan keluar negeri untuk melawat sambil belajar ataupun ada mempunyai, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, entertainment allowance dan sebagainya tetapi apabila mereka itu telah diberhentikan daripada menjadi Pengarah-pengarah di dalam anak-anak syarikat UDA saya difahamkan ramai sekali yang telah meninggalkan UDA. Kalau inilah salah satu alasan yang membuatkan ramai pegawai-pegawai UDA ini berhenti saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan kerana kita tidak mahu pegawai-pegawai yang bertugas dengan UDA hari ini dipertanggungjawabkan untuk menjadi Pengarah kepada beberapa buah syarikat yang ditubuhkan oleh UDA, kerana dengan adanya peranan ini dimainkan oleh mereka-mereka ini maka sudah tentulah mereka tidak akan dapat menjalankan tugas mereka sebagai pegawai yang berkesan dan bertanggungjawab oleh sebab mereka akan lebih mementingkan kepada peranan-peranan mereka sebagai Pengarah-pengarah di mana mereka akan dapat ganjaran yang akan dibayar oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Tetapi hari ini saya difahamkan perkara seumpama ini tidak lagi berlaku di dalam UDA. Hari ini dengan tertubuhnya PEREMBA Bhd, UDA telah mengambil ramai sekali ahli-ahli professional bumiputra untuk menjadi Pengarah-pengarah di dalam anak-anak syarikat yang telah ditubuhkan oleh UDA.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah dapat melaksanakan tugas ini, dan saya harap perkara yang telah berlaku di dalam UDA ini akan dapat juga dijalankan bukan sahaja dalam UDA, bukan sahaja dalam MARA, tetapi dalam Perbadanan-perbadanan Kemanusiaan Negeri-negeri yang lain. Kerana kita tahu hari ini ramai sekali pegawai yang bertugas dengan perbadanan juga menjadi Pengarah-pengarah di dalam beberapa buah syarikat dan kadangkala tugas-tugas mereka ini akan bercanggah dengan tugas-tugas mereka sebagai pegawai di perbadanan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian berkenaan dengan Akta UDA yang mana UDA telah diberi kuasa untuk membuat satu perancangan berkenaan dengan bandar ataupun mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membuat perancangan berkenaan dengan bandar-bandar baru. Dalam masalah ini saya ingin mencadangkan kepada UDA untuk menggunakan kuasa ini untuk merancang semula bandar-bandar yang ada dalam negara kita ini. Misalnya hari ini kita mendengar Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson semalam minta supaya satu perancangan bandar Teluk Anson dibuat semula. Saya pula hari ini ingin mencadangkan supaya perancangan semula berkenaan dengan bandar Kuala Kangsar dikaji semula dan dalam masa kita merancang bandar-bandar ini kita berharap kepada UDA supaya peranan dan juga hak bumiputra dalam bandar-bandar ini akan diberi keutamaan. Hari ini kita mendengar Kerajaan telah meluluskan pembangunan sebuah pelabuhan di Lumut dan kita sedia maklum dengan adanya pelabuhan ini di Lumut maka sudah tentulah Lumut akan membangun, sama ada daripada industri-industrinya ataupun daripada penduduk-penduduknya. Kita berharap UDA juga akan memainkan satu peranan yang positif di Lumut, sama ada daripada segi memberikan tempat-tempat perniagaan ataupun memberikan rumah-rumah yang diperlukan oleh Lumut dan dalam masalah ini juga kita mahu supaya UDA memberikan keutamaan kepada bumiputra.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan perhentian bas dan teksi yang telah dibangunkan oleh UDA di Kuala Lumpur ini, iaitu di Pudu

Raya. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada UDA kerana kalau dahulu di kawasan Pudu Raya ini begitu kecil sekali bilangan bumiputra yang mendapat ruangan berniaga tetapi hari ini dengan adanya Pudu Raya maka ramai sekali bumiputra telah dapat berniaga di Pudu Raya ini. Saya ingin mencadangkan kepada UDA supaya projek sepertimana yang telah dijalankan di Pudu Raya ini dapat dijalankan di seluruh negara, misalnya di perhentian bas di Ipoh, di perhentian bas di Alor Setar, ini perhentian bas di Seremban dan saya juga ingin mencadangkan iaitu oleh kerana dalam perancangan bandar Gerik yang mana di satu masa nanti akan menjadi sebuah bandar yang besar dan yang mana dalam pelan induk bandar Gerik saya juga ada ternampak iaitu satu kawasan telahpun diperuntukkan kepada UDA untuk membangunkan perhentian bas dan teksi, saya ingin mencadangkan kepada UDA supaya perhentian bas dan teksi di bandar Gerik ini dipercepatkan. Ini ialah memandangkan bahawa bandar Gerik hari ini membangun dengan begitu pesat sekali. Mengikut perancangan dalam masa 25 tahun yang akan datang kemungkinan Gerik akan menjadi bandar nombor 3 besarnya di dalam negeri Perak, iaitu selain daripada bandar Ipoh, Taiping, Gerik akan menjadi bandar yang nombor 3. Jikalau ini benar, maka bermakna Gerik akan membangun dengan begitu pesat sekali. Saya berharap kepada UDA supaya perhentian bas dan teksi di Gerik ini dapat dibangunkan dengan secepat mungkin dan kalau boleh juga hari ini begitu banyak sekali hotel-hotel didirikan di Gerik, saya juga berharap kepada UDA supaya dapat membangunkan sebuah hotel yang besar memandangkan bahawa Gerik akan berada di antara Kota Bharu dan Pulau Pinang. Jikalau misalnya pelancang-pelancang dan juga mereka yang ingin melancung daripada Kelantan ke Pulau Pinang dan ingin berhenti di Gerik, maka sudah tentulah mereka berkehendakkan hotel-hotel dan sebagainya di Gerik. Jadi saya ingin mencadangkan juga kepada UDA supaya membangunkan hotel-hotel di Gerik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyarankan supaya Ketua Pengarah yang akan dilantik nanti selain daripada diberi kuasa-kuasa perancangan, saya juga ingin menyarankan supaya Ketua Pengarah yang baru dilantik ini akan dapat menempatkan sekurang-kurangnya seorang

pegawai di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini. Ini memandangkan bahawa tugas UDA bukanlah hanya berpusat di Kuala Lumpur sahaja tetapi UDA juga dikehendaki membangun dan menyediakan infrastruktur, penyusunan semula masyarakat ke seluruh negara. Dengan sebab itu saya berharap UDA akan dapat menjalankan satu kerjasama yang rapi dan rapat dengan semua sekali pegawai-pegawai dan juga Pengarah-pengarah Perancangan Kampung dan Bandar di negeri-negeri di seluruh Malaysia ini. Kita berharap dengan adanya peranan ini dimainkan oleh UDA maka matlamat dan hasrat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi dan jikalau misalnya pihak Menteri ataupun pihak UDA mengatakan bahawa UDA hari ini tidak mencukupi kewangan untuk menjalankan tugas-tugas ini, sebagaimana yang saya katakan pada awal tadi lagi saya menyarankan supaya satu peruntukan tambahan yang besar diberi kepada UDA. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

5.27 ptg.

Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan kerana dapat menyelami masalah yang dialami oleh UDA berikutan dengan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang yang lalu. Saya percaya dan yakin Rang Undang-undang yang dibentangkan ini sekarang akan dapat mengatasi segala masalah dalam segi pentadbiran serta structure organisasi UDA sendiri supaya dapat bertindak lebih berkesan dan teratur sebagaimana matlamat yang telah diamanatkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menarik perhatian terhadap kegiatan UDA yang lalu yang mana pada pandangan umum tidak merupakan sebuah organisasi yang benar-benar dapat memenuhi untuk menolong kaum bumiputra sebagaimana yang termaktub dalam matlamat penubuhannya. Disbabkan ada unsur-unsur yang kurang menarik ini maka berbagai tohmahan dan kritik telah dilemparkan kepada UDA yang menyebabkan peranan UDA tidak begitu berkesan sebagaimana yang diharapkan.

Sebagai contoh, kegiatan usahasama UDA yang dijalankan dengan bukan bumiputra tidak melambangkan hasrat Kerajaan sebenarnya, ini jelas sebagaimana yang berlaku dalam Projek Bandar Baru Subang Jaya yang mana UDA mempunyai 50 equity tetapi mengikut laporan, jumlah rumah kedai atau rumah yang diperolehi di kawasan itu hanya lebih kurang 30% sahaja. Perbuatan seperti ini sudah tentu merugikan kaum bumiputra sendiri yang mana sepatutnya equity 50% tersebut digunakan sepenuhnya untuk menekankan hak bumiputra bukan sekadar untuk menyediakan mata memandang sahaja. Begitu juga yang berlaku kepada syarikat-syarikat usahasama UDA yang lain yang kebanyakannya tidak begitu berkesan untuk memastikan kaum bumiputra mendapat peluang perniagaan yang memuaskan di bandar-bandar.

Satu lagi yang mesti dibuat oleh UDA ialah memastikan ruangan perniagaan yang strategik diberikan kepada bumiputra dan bukan sekadar untuk mengisi quota sahaja tetapi tempatnya tidak strategik dan kurang memuaskan. UDA perlu tegas dan dalam menjalankan peranan sebagai pemegang amanah raya dan memastikan bahawa kemudahan yang ada kepada UDA tidak hanya dimonopoli oleh satu golongan kaum bumiputra sahaja. Menteri yang dipertanggungjawabkan mestilah memastikan UDA tidak berjalan dalam tempang dan memunculkan bibit-bibit penyelewengan dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya mengadakan satu suruhanjaya khas bagi mengkaji kemajuan yang dicapai oleh UDA sejak 10 tahun yang lalu dalam menolong kaum bumiputra mencebur dalam lapangan perniagaan di kawasan-kawasan bandar. Ini adalah penting bagi memastikan matlamat sebenarnya penubuhannya tidak pincang dan agar segala kelemahan yang dilakukan akan dapat dikesan serta diperbaiki. Tindakan ini juga dapat memaparkan kepada orang ramai terhadap kemajuan UDA sejak 10 tahun yang lalu supaya kepercayaan kaum bumiputra kepada UDA tidak dapat dipertikaikan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya UDA membeli rumah-rumah kedai yang gagal dibeli oleh bumiputra sebagaimana yang telah diperuntukkan. Ini sebagai langkah untuk mengatasi masalah yang telah diperuntukkan. Ini sebagai langkah untuk mengatasi masalah yang wujud sekarang yang mana masih banyak terdapat rumah-rumah kedai yang dikhaskan kepada bumiputra yang masih tidak dibeli lagi.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ialah apa yang telah berlaku di Johor Bahru di Kompleks Larkin, tempat yang amat strategik telah dipulangkan semula kepada pemajunya sebanyak 17 unit. Kenapa dipulangkan, kita tidak tahu tetapi mengikut laporan yang diterima harga jualan kepada bumiputra ialah \$260,000 tetapi setelah diambil oleh pemaju sendiri harganya meningkat hingga \$480,000. Dalam perkara seumpama ini UDA hendaklah mengambil daya usaha yang berkesan agar perbuatan memulangkan semula lot kedai tidak berlaku lagi dan UDA hendaklah membeli lot-lot kedai di mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa UDA telah memainkan peranan yang berkesan dalam menggalakkan bumiputra dalam bidang perniagaan dan memberi peluang tempat perniagaan yang lebih baik tetapi diharapkan dengan lulusnya Rang Undang-undang baru ini maka dapatlah Lembaga Pengarah yang baru mengambil daya usaha yang lebih efektif lagi dalam masalah ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, untuk meluaskan peranan UDA, saya ingin mencadangkan supaya dikembangkan di negeri Sabah. Ini bagi memastikan nikmat dari rancangan-rancangan UDA itu dapat dinikmati oleh bumiputra Sabah yang kebanyakannya sangat mengharapakan. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.33 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, sebenarnya saya tidak berniat untuk hendak mengambil bahagian. Tetapi

dari hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Gerik, saya fikir saya perlu menegaskan beberapa points yang mustahak yang ada berkaitan dengan peranan yang akan dimainkan oleh UDA.

Sepertimana yang dinyatakan dalam Fasal 6 di mana Ketua Pengarah akan bertanggungjawab untuk menyediakan segala program, skim dan projek untuk menuju kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di sini DAP perlu menegaskan pendiriannya bahawa DAP adalah menyokong segala usaha Kerajaan baik di mana-mana bidang pun untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi bumiputra khususnya dalam konteks UDA itu.

Tuan Speaker, DAP tidak menentang atau merasa iri hati, begitu juga rakyat Malaysia tidak merasai iri hati atau menentang usaha-usaha yang dijalankan oleh UDA selama ini. Tetapi satu perkara yang saya perhatikan dalam hujah-hujah dari Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional ini nampaknya ada satu konsep pembangunan yang salah khususnya konsep urbanisasi iaitu konsep rancangan yang dijalankan oleh UDA.

Di sini saya ingin sekali bertanyakan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam bahawa apakah matlamat utama yang akan dijalankan, yang akan dicapai oleh UDA melalui projek-projek pembangunan yang dijalankannya. Memang keutamaan akan diberikan kepada kaum bumiputra tetapi manakah satu golongan bumiputra yang akan menikmati segala hasil daripada projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh UDA ini.

Kalau berasaskan pada Dasar Ekonomi Baru kita boleh dapat mengkaji dan dapat tahu bahawa matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah memberikan segala keutamaan, memberikan segala peluang dan bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah tetapi kita lihat berapakah projek pembangunan yang dijalankan oleh UDA ini adalah benar-benar dinikmati oleh golongan bumiputra yang berpendapatan rendah.

Saya mencabar Yang Berhormat Menteri kalau boleh menunjukkan angka-angka bahawa usaha-usaha atau projek-projek yang dijalankan oleh UDA selama ini berapa peratus telah dinikmati oleh bumiputra yang

berpendapatan rendah dan berapa peratus adalah dirampas peluangnya oleh bumiputra yang kaya-raya dan berkuasa. Dewan Rakyat ini adalah berhak untuk mengetahui keutamaan dalam pemberian projek-projek pembangunan kepada bumiputra kerana kalau tidak perkara ini dicegah atau disiasat atau diperiksa walaupun sudah sampai tahun 1990 UDA sudah mencapai rancangan urbanisasinya, tetapi akhirnya segala peluang-peluang yang ditawarkan melalui projek yang dijalankan oleh UDA ini akhirnya hanya dinikmati oleh bumiputra yang kaya-raya di mana majoriti bumiputra tidak dapat menikmati peluang-peluang ini maka gagallah semua projek-projek UDA itu juga gagallah matlamat Dasar Ekonomi Baru yang diamanahkan kepada UDA ini. Sebab itu satu dasar perlu dijelaskan, satu matlamat perlu digariskan bahawa keutamaan manakah yang akan diberikan kepada bumiputra. Juga saya tidak bersetuju dengan satu pandangan dan satu tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balek Pulau bahawa ada berlakunya eksploitasi dalam projek-projek usahasama di antara bumiputra dan bukan bumiputra.

Tuan Speaker, kita perlu ingat. Sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, apakah sebabnya rakyat Malaysia keturunan Cina boleh berjaya di bidang perniagaan di bandar. Bukan kerana mereka merampas peluang-peluang daripada kaum-kaum yang lain, bukan kerana mereka datang ke Malaysia dengan harta yang berjuta-juta ringgit atau yang kaya-raya tidak. Tentu sekali melalui cara-cara yang tertentu yang ada berkaitan dengan kehidupan tradisi pada satu-satu kaum yang berlainan, tentu.

Kalaulah bumiputra sangat mundur, masih hijau dalam bidang perniagaan dan perdagangan maka lebih baik ada satu kerjasama di antara bumiputra dan bukan bumiputra untuk menjalankan segala usaha-usaha baik ditawarkan oleh UDA atau mana-mana badan awam yang ditajakan oleh Kerajaan dengan menuju ke matlamat Dasar Ekonomi Baru. Apakah salahnya bagi bumiputra bekerjasama atau berusahasama dengan kaum bukan bumiputra untuk menuju ke matlamat yang negara kita akan capai iaitu Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Ekonomi Baru bukanlah satu dasar untuk satu kaum sepertimana yang dikatakan oleh Kerajaan sendiri yang berkali-kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar untuk semua kaum, semua rakyat Malaysia. Sebab itulah saya perlu membuktikan misconception yang ada pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sama ada semalam atau hingga hari ini tentang

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar. Hendak beri jalan?

Tuan Chan Teck Chan: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tanya apa?

Tuan Hussein bin Mahmood: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan misconception daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semalam dan hari ini. Saya minta beliau kalau dapat membuktikan siapakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa kepada misconception tersebut, kerana saya sendiri tidak pernah melangkah ke bahagian itu.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih. Sebenarnya mungkin Ahli Yang Berhormat masih mengantuk, tidak mengikuti apa yang saya cakap. Saya kata konsep urbanisasi yang dicadangkan oleh UDA itu dan tadi saya ada memberikan contoh iaitu Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau katanya apakah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Itu saya kata ini adalah satu misconception bukan sahaja terhadap Dasar Ekonomi Baru juga terhadap peranan yang dimainkan oleh UDA.

Saya yakin Kerajaan tentu akan bersetuju dengan saya bahawa UDA bukanlah satu badan yang ditubuhkan hanya 100% untuk satu kaum atau untuk kaum atasan yang saya sebutkan tadi. Tentu khasnya untuk bumiputra yang tidak dapat peluang bersaing dengan kaum-kaum lain atau rakyat Melayu yang terkebelakang dan termundur dalam perniagaan dan perdagangan di bandar. Tentu Kerajaan perlu memberikan segala peluang dan bantuan. Tetapi peluang dan bantuan

situ bukan disalah salurkan kepada tangan segelintir kaum bumiputra yang kaya raya. Apa yang saya sebut, saya boleh dicabar kalau tak betul atau dibuktikan, mungkin tuduhan saya salah kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberikan angka-angka yang lebih jelas selama UDA ditubuhkan berapa peratus hasil-hasil dari projek pembangunan UDA yang telah dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah atau berapa peratus yang telah dirampas oleh kaum bumiputra yang kaya raya. Saya hanya mengatakan dalam konteks bumiputra bukan di antara bumiputra dan bukan bumiputra.

Tadi saya ada sebut mengenai usahasama dan kerjasama di antara bumiputra dan bukan bumiputra. Saya adalah mencadangkan dan merayu supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai miskonsepsi itu boleh membetulkan fikiran mereka bahawa lebih baik kita menggalakkan kaum-kaum yang ada di Malaysia ini yang lebih berpengalaman dalam perniagaan, biarlah mereka berganding bahu untuk mempelajari di antara satu sama lain mengenai cara perniagaan. Saya bukan mengatakan orang Melayu tidak pandai berniaga, ada sebahagiannya yang sangat pandai, biarlah di antara kaum-kaum ini bertukar-tukar fikiran mempelajari di antara satu sama lain. Mungkin dengan cara ini lebih berkesanlah UDA boleh mencapai matlamatnya untuk menuju kepada rancangan urbanisasi supaya bumiputra apabila masuk ke bandar, jangan mereka hilang haluan, hilang matlamat, hilang pandangan mereka, apakah tujuan mereka masuk ke bandar atau apabila mereka digalakkan datang ke bandar. Saya yakin rakyat Malaysia dari keturunan Cina atau India tidak menentang, tentu mereka akan welcome semua rakyat khasnya Melayu datang ke bandar untuk berniaga, tinggal bersama-sama di bandar. Tetapi sebelum Kerajaan hendak melaksanakan lebih intensifnya rancangan urbanisasi itu maka satu kempen pelajaran politik perlu dilancarkan dahulu supaya mereka lebih diberitahu atau difahamkan atau disesuaikan tentang keadaan yang ada di dalam bandar itu. Kalau tidak apakah gunanya dengan bertambahnya bilangan orang Melayu datang ke bandar dengan bertambahnya projek-projek, kompleks-komplek yang dibuat oleh UDA tetapi akhirnya semua gagal, kerana cara dan pelaksanaan yang gagal bukan matlamatnya yang salah, matlamat UDA adalah baik

tetapi cara pelaksanaannya adalah salah. Itulah sebabnya UDA tidak berjaya untuk mencapai matlamatnya khasnya di dalam bidang yang saya sebutkan dalam perniagaan dan perdagangan. Itulah sebabnya saya katakan sudah sampai masanya bagi UDA, pertama bagi membetulkan miskonsepsi rakyat Malaysia khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional terhadap peranan yang dimainkan oleh UDA di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Kedua, dasar

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar!

Tuan Chan Teck Chan: Boleh.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya sedang minum tadi, nama saya sentiasa disebut lebih daripada 5 kali kalau tak silap saya. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu menyatakan bahawa saya telah menuduh pihak bukan bumiputra merampas hak-hak bumiputra. Sebenarnya saya tidak menuduh demikian, kalau kita boleh teliti balik ucapan itu, saya tidak menuduh pihak bukan bumiputra merampas hak-hak bumiputra. Apa yang saya cakapkan selama ini ialah pihak bukan bumiputra khasnya orang-orang Cina ramai dalam bidang perniagaan ini kerana mereka tidak ada pilihan yang lain, sebab 90% daripada orang-orang Cina ini tinggal dalam bandar, mereka terpaksa memasuki bidang perniagaan dan perusahaan. Jadi dalam saranan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi tidak menggalakkan bumiputra masuk dalam bandar. Adakah ini satu dasar pihak DAP tidak mahu dan tidak suka melihat orang luarbandar khasnya bumiputra ramai tinggal dalam bandar?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dukacita, tadi saya sudah katakan dengan jelas, boleh mainkan balik tape recorder dan *Hansard*, saya tidak menuduh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan merampas harta. Saya mengatakan beliau ada sebut perkara eksploitasi dalam usahasama antara bumiputra dan bukan bumiputra. Saya tidak sebut merampas harta benda. Itu satu point yang saya mahu betulkan. Saya harap Ahli Yang Berhormat lebih berwaspada dan berhati-hati untuk mendengar apa yang saya cakapkan.

Kedua, tadi saya baru sebut yang DAP menyokong sepenuhnya-penuhnya dasar dan projek UDA dan juga menyambut baik, welcome orang-orang Melayu datang ke bandar untuk berniaga dengan kaum Cina dan lain-lain untuk mempelajari satu sama lain. Saya tidak kata DAP menolak, DAP menerima dan menyokong, menyambut baik (welcome). Saya merasa keciwa kerana kenyataan yang jelas, sejelas-jelasnya telah diputarbelitkan dengan tujuan atau motif yang begitu mengeciwakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan buang masa atas point itu. Akhirnya point yang kedua tadi, saya ada sebut iaitu mengenai program dan dasar UDA, iaitu segala keutamaan dan peluang melalui projek yang dijalankan oleh UDA itu perlulah diberi kepada bumiputra yang benar-benar mahu mendapat peluang berniaga di kompleks-kompleks yang tertentu. Kalau mereka tidak sanggup dari segi kewangan, tidak sanggup untuk menyewa atau membeli kompleks-kompleks itu, biarlah Kerajaan menolong mereka, jangan kerana alasan mereka tak sanggup, tak dapat pinjaman wang maka diberikan peluang itu kepada segelintir bumiputra yang atasan sahaja. Ini adalah salah. Sebab itu, saya harap dasar atau program itu perlu dibetulkan.

Ketiga, ialah konsep urbanisasi yang dijalankan oleh UDA ini perlu dibetulkan, jangan ada satu miskonsepsi perkauman yang diakibatkan kerana ucapan-ucapan yang tidak bertanggungjawab, kerana tidak salahnya bagi bumiputra dan bukan bumiputra bekerjasama berganding bahu untuk bersama-sama memajukan ekonomi negara kita. Itulah cadangan DAP dan saya harap dengan rekod yang terang itu tidak akan diputarbelitkan sekali lagi. Sekianlah sahaja, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini akan ditangguhkan apabila sahaja Rang Undang-undang

D.R. 31/1980 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini selesai ditimbangan dan diluluskan oleh Majlis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini akan ditangguhkan apabila sahaja Rang Undang-undang D.R. 31/1980 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini selesai ditimbangan dan diluluskan oleh Majlis.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (PINDAAN)

5.58 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan cadangan untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya adalah merupakan peserta terakhir di dalam bahasan ini dan tentunya sebagai peserta terakhir segala inti dan creamnya sudah dibolot ataupun sudah diperkatakan oleh peserta-peserta yang dahulu daripada saya sejak daripada semalam semasa membahaskan Rang Undang-undang ini. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang menyediakan Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 yang pada hemat kita sudah berjalan sekian lama tetapi Perbadanan ini telah menempuh halangan dan rintangan, onak dan duri dan berbagai-bagai lagi sepanjang jalan menuju kepada matlamatnya mengikut di dalam Akta yang terdahulu daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di dalam Akta tersebut, dalam Akta ibu ada menyebutkan bahawa di antara matlamat ataupun tujuan Perbadanan ini ialah pem-

angunan-pembangunan semula, penempatan-penempatan semula dan perumahan awam yang selain daripada yang lain-lain quote kan itu sahaja. Maka sukalah saya mengatakan bahawa sepanjang yang mengenai matlamat ini barangkali UDA kalau hendak kata jauh—tidak, tetapi masih belum sampai kematamatnya, apa lagilah kalau kita pergi ke matlamat-matlamat yang lain iaitu untuk mengadakan program-program tindakan bagi melaksanakan dasar Kerajaan hendak membentuk semula masyarakat melalui pembangunan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira salah satu daripada halangan ataupun faktor-faktor yang boleh menghalang UDA daripada sampai ke matlamat ini ialah adanya kepincangan-kepincangan di dalam pentadbiran sama ada di dalam pegawai-pegawai ataupun Lembaganya, maka sudah tentu pindaan yang dibuat pada hari ini iaitu dengan menukarkan kuasa eksekutif kepada Pengarah, daripada Pengerusi kepada Pengarah secara yang berasingan ini adalah merupakan satu cara penyelesaian yang paling licin untuk UDA sampai ke matlamatnya.

Saya berharap dengan adanya pindaan-pindaan ini maka UDA selain daripada dapat sampai ke matlamat-matlamat ini akan membuat lagi atau menambah lagi polisi-polisi baru yang sekira-kira boleh menguntungkan masyarakat dan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi bahawa segala-galanya sudah disebut oleh saudara-saudara ataupun peserta-peserta yang lain, maka apa yang saya nampak yang tidak disebutkan lagi ialah mengenai satu perkara. Sebagaimana yang kita tahu di setiap negeri sekarang ada Majlis Ugamanya masing-masing, di bawah Majlis Ugama ini ada hartanya sendiri iaitu di bawah wang perkumpulan Majlis. Selain daripada wang perkumpulan ada harta-harta seperti tanah dan berbagai-bagai lagi, dan tanah-tanah ini biasa dimajukan untuk menambahkan fund ataupun kewangan kepada Majlis Ugama di satu-satu negeri. Jadi selama ini kita nampak bahawa UDA belum pernah membuat usaha-sama dengan Majlis-majlis Ugama di tiap-tiap negeri di dalam negara kita ini demi untuk memajukan tanah-tanah yang seperti saya sebutkan tadi dengan tujuan untuk hendak mendirikan bangunan-bangunan bagi tempat-tempat perniagaan sama ada kepada kaum-kaum bumiputra atau tidak. Jadi ini saya fikir boleh diusahakan sebagaimana

juga UDA, yang kita tahu telah mewujudkan di bawah PEREMBANYA seperti UDA-Boltan, UDAMURNI, UDA-Sea Park dan banyak lagi UDA barangkali.

Saya mengesyorkan supaya dalam hubungan dengan joint-venture ataupun usahasama dengan Majlis-majlis Ugama ini UDA dapat mewujudkan usahasama dengan nama UDAGAMA ataupun nama-nama apa yang dia suka. Dengan adanya usahasama yang begini saya fikir pada hemat saya banyak lagilah tanah-tanah yang terbiar yang di bawah jagaan Majlis ini boleh dimajukan dan kemajuan ini dapat menampakkan ataupun memprojeikkan imej UDA menuju ke matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.55 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan juga yang telah memberi buah fikiran masing-masing. Ingin saya mengatakan sesungguhnya saya tidak akan menyentuh semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya akan mengambil perhatian tentang pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Terlebih dahulu saya ingin menjawab kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka, sebenarnya saya tidak pandai main cabar-mencabar—bukan itu kerja saya. Tetapi inginlah saya menyatakan sebelum Ahli Yang Berhormat itu mencabar elok jugalah beliau membaca dan menyemak dengan teliti Akta Perbadanan Pembangunan Bandar supaya dapat beliau memahamkan secara menyeluruh apakah sebenarnya tugas-tugas dan fungsi-fungsi UDA ataupun Perbadanan Pembangunan Bandar ini. Nyatalah kalau kita meneliti Akta itu tidak ada di mana-mana disebut bahawa UDA hanya semata-mata akan beroperasi dengan mereka iaitu khususnya bumiputra yang berpendapatan rendah. Tugas UDA secara menyeluruh ialah merangkumi hasrat Dasar Ekonomi Baru—itu memang benar dan sebenarnya misconsepsi itu nampak saya datang daripada Ahli Yang Berhormat itu sendiri,

kerana satu contoh yang dapat kita berikan misalnya UDA menjalankan pembangunan harta di atas tanah bumiputra, sudah pasti operasi seperti ini atau kegiatan seperti ini akan hanya dihid dijalankan kepada bumiputra yang ada tanah. Maknanya bumiputra yang datang yang ada harta, bukan golongan yang berpendapatan rendah, tetapi itu peringkat pertama.

Selepas dibangunkan harta di atas tanah bumiputra yang bertanah tadi maka datanglah peringkat kedua di mana pengagihan faedah pembangunan harta itu boleh pula disambung kepada pendapatan rendah, misalnya, jikalau dibina gerai-gerai yang sesuai untuk perniagaan kecil-kecilan. Tetapi kita sedia maklum bahawa tidaklah UDA menumpukan semata-mata projek-projeknya untuk gerai kecil-kecil kerana mesti ada keseimbangan antara cuba mewujudkan usahawan bumiputra kecil-kecilan dan juga memajukan usahawan-usahawan bumiputra golongan pertengahan untuk menjadi peniaga-peniaga yang lebih besar. Jadi memanglah apabila kita tinjau pelaksanaan UDA di masa-masa yang lepas ada keseimbangan hari ini.

Saya minta maaf kerana saya tidak dapat memberi gambaran yang tepat ataupun perangkaan-perangkaan yang tepat pada saat ini, kalau diberi notis mungkin saya dapat beri, tetapi inginlah saya mengatakan bahawa tidaklah benar apa yang telah dibuat oleh UDA tidak memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah kerana di tempat-tempat di mana UDA telah menyediakan satu contohnya gerai-gerai peniagaan, memang gerai-gerai ini adalah sama ada disewakan ataupun telah dijual kepada mereka yang berniaga dan orang-orang ini juga tidak terdiri daripada orang berpendapatan rendah atau tinggi, tetapi orang-orang yang berniaga secara kecil-kecilan dan juga kita dapati usaha UDA untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan juga tidak tertumpu kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi. Jadi tidaklah benar bahawa hanya segelintir sahaja yang mendapati atau yang kaya itu merampas—ini agaknya kuat sedikit tuduhan Yang Berhormat dan saya menafikanlah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar semalam telah menyaran supaya dikaji semula program-program UDA. Sebenarnya ini telahpun dibuat kajian semula untuk meneliti dengan perincian mengenai prestasi

UDA secara menyeluruh dan berasaskan kepada kajian yang terperinci tadi maka telah disediakan rancangan untuk Rancangan Malaysia Keempat dan bolehlah dikatakan bahawa kajian yang telah dibuat ke atas prestasi UDA itu menjadi asas kepada perancangan UDA bagi operasinya dalam Rancangan Malaysia Keempat. Di samping itu juga beberapa perubahan strategi telah juga digubal untuk melaksanakan program-program UDA dengan lebih berkesan.

Mengenai kedayahidupan (viability) projek yang diragukan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekarang ini memanglah kedayahidupan (viability) projek menjadi satu pertimbangan oleh UDA terhadap membangunkan projek-projek usahasama misalnya ataupun membangunkan projek-projek tanah dengan orang ramai. Dari segi mengkaji kedayahidupan ini inginlah saya menegaskan UDA bukan sahaja akan meneliti sejauh mana projek itu viable tetapi dari awal-awal lagi akan mengesan sama ada projek itu patut dijalankan atau tidak. Jikalau dari mula projek itu dianggap tidak viable maka usahasama itu tidak akan dijalankan. Ini adalah satu daripada boleh dikatakan perubahan strategi yang sudahpun diterima untuk pelaksanaan selepas masa ini.

Begitu juga tentang sistem amaran awalan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang sekarang ini sudahpun diadakan satu sistem untuk meneliti dengan rapi kos faedah menjalankan satu-satu projek dan juga mengadakan sistem mengesan berkala supaya dapat diwujudkan juga sistem monitoring atau mengesan yang boleh memberitahu kepada UDA atau syarikat-syarikat usahasanya apakah halangan-halangan yang akan timbul semasa projek itu dijalankan.

Mengenai Hotel Travel Inn yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sebenarnya setakat ini hotel ini telahpun diserahkan pengurusannya kepada anak syarikat milik sepenuh UDA yang dipanggil PEREMBA yang telahpun disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan sekarang ini PEREMBA adalah bertanggungjawab dalam semua aspek operasi hotel dan PEREMBA sekarang sedang berusaha menyelesaikan beberapa masalah-masalah yang sudahpun dikesan dengan harapan hotel ini akan dapat diperbaiki perjalanannya dan saya sendiri adalah mengambil perhatian terhadap usaha ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan soal peniaga-peniaga bumiputra di Kompleks Pertama. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, penyer-taan UDA di dalam Kompleks Pertama ini ialah dengan membeli sebanyak 92 unit ruang niaga. Daripada ini 89 unit-unit telahpun dijual kepada bumiputra dan bakinya iaitu 3 adalah untuk disewa dan satu telah disewakan, dua masih lagi kosong dan tidaklah timbul soal iaitu perkara di mana UDA dikatakan menyewakan kepada bumiputra dengan sewa yang rendah dan orang ini pula menyewakan semula dengan sewa yang tinggi kepada orang lain kerana 89 daripada gerai ini telah dijual bulat-bulat oleh UDA kepada bumiputra. Jadi soal sewa ini sebenarnya antara bumiputra yang membeli dengan bumiputra lain yang menyewa daripada pemilik-pemilik baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih juga telah membangkitkan soal besarnya hutang-hutang ragu di dalam akaun UDA seperti dalam tangan Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebenarnya timbulnya perkara hutang ragu yang banyak di dalam akaun UDA itu ialah disebabkan oleh di masa yang lepas UDA tidak ada mempunyai sistem pengutipan yang tegas ataupun sistem pengutipan hutang yang teratur dan pada masa itu UDA lebih mementingkan usaha memberi seberapa banyak peluang kepada peniaga-peniaga untuk menjelaskan tunggakan pinjaman penyewaan misalnya dan UDA tidak mengambil tindakan seperti membawa mereka ke mahkamah atau mengambil tindakan undang-undang. Jadi bolehlah dikatakan pada masa itu dasar UDA dalam segi kutipan tunggakan-tunggakan penyewaan, tunggakan-tunggakan hutang ini adalah agak longgar, agak lembut sekali tidaklah tegas merampas seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah ataupun menyeret mereka ke mahkamah. Tetapi saya percaya dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang ini Perbadanan adalah mengambil langkah supaya UDA lebih tegas dan berkesan untuk mengutip hutang-hutang yang merupakan tunggakan ini supaya tidaklah wujud lagi hutang-hutang ragu yang besar dan saya percaya tindakan-tindakan ini jika dijalankan dengan teliti akan dapat memberikan hasil yang baik di masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membangkitkan soal laporan UDA yang kebelakangan. Inginlah saya menjelaskan laporan bagi tahun 1977 telahpun siap dan seperti kita maklum telahpun dibentangkan dalam Parlimen. Usaha mengodit laporan 1978 baru sahaja disiapkan dan laporan ini sedang giat diproses untuk dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini dan kalau boleh dalam persidangan ini juga Penyata tahun 1979 sedang diodit oleh Juruodit Negara dan sebaik sahaja perkara ini siap akan dikemukakan di Dewan Parlimen ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah membangkitkan soal usahasama dengan agensi-agensi lain seperti PERUDA. Mengenai PERUDA ini inginlah saya menegaskan keputusan dasar sudahpun dibuat dan sedang dilaksanakan dan SEDC-SEDC atau PKEN-PKEN adalah diberi pilihan sama ada yang pertamanya SEDC hendak membeli saham-saham UDA yang ada di dalam PERUDA dan juga menjelaskan semua hutang-hutang yang terlibat dengan UDA ataupun kedua, SEDC membeli saham-saham UDA tetapi mengadakan perjanjian-pinjaman untuk hutang-hutang yang masih belum jelas dengan UDA. Ketiga, PERUDA itu kekal sehingga projek-projek yang sedang dilaksanakan itu siap. Jadi SEDC bolehlah memilih yang mana satu daripada ini mengikut kesesuaiannya.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson telah membangkitkan soal mendirikan bandar-bandar seperti juga memberikan tumpuan kepada bandar-bandar kecil seperti Teluk Anson untuk pembangunan semula. Ini memanglah ada di dalam perhatian di mana dalam Rancangan Malaysia Keempat ini seperti juga yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, UDA akan cuba dengan kerjasama Kerajaan Negeri mengesan bandar-bandar yang manakah patut diberi keutamaan untuk diwujudkan pembangunan semula ataupun dibawakan usaha pembangunan bandar dan saya percaya apabila telah dapat dikesan maka dapatlah dijalankan projek-projek menyeluruh di kawasan-kawasan tersebut dan seperti Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson sedia maklum UDA sudahpun ada projek di Teluk Anson.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan soal projek-projek MARA-UDA yang terbengkalai. Contoh yang diberi ialah MARA-UDA di Ipoh. Sebenarnya

terbengkalai perkara ini ialah kerana pemborong yang telah diberikan tawaran untuk menyiapkan bangunan ini telah tidak dapat membuat kerjanya dengan memuaskan menyebabkan kontrak pemborong itu telah ditamatkan dan setelah ditamatkan kontrak itu, maka kerja-kerja telah ditawarkan semula dan adalah dijangka projek ini insya Allah akan dapat siap pada akhir bulan Jun 1982.

Ahli Yang Berhormat itu juga beserta dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal ramai kakitangan yang berhenti. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih kalau tidak salah saya juga menegur 20% telah berhenti. Yang sebenarnya ini tidak benar, tidak pernah pemberhentian pegawai-pegawai UDA meningkat sebegitu tinggi. Sebenarnya dalam tahun 1979 misalnya hanya terdapat 9.6% daripada kakitangan telah berhenti dan dalam tahun ini setakat Oktober 6.5% daripada kakitangan telah berhenti. Sebenarnya, UDA seperti juga badan-badan Kerajaan ataupun Kerajaan sendiri tidaklah berupaya untuk menahan pegawai-pegawainya daripada berhenti terutama jikalau pegawai-pegawai itu setelah memperolehi pengalaman yang begitu luas dalam UDA memperolehi jawatan-jawatan yang boleh membayar gaji-gaji atau imbuhan yang lebih lumayan, terutama dalam sektor swasta. Pengalaman mereka dalam UDA itu berharga dan mereka diterima dengan tangan terbuka oleh sektor swasta dengan mendapat imbuhan yang lebih tinggi. Jadi UDA tidak boleh menahan orang-orang ini tinggal terus dalam UDA. Selain daripada itu, ada juga pegawai-pegawai kita yang telah berhenti untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1980 ini sahaja telah ada 2 orang yang telah pergi setakat ini, tahun 1979: 10 orang telah keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran dan dengan angka-angka yang telah saya berikan tadi tidaklah merupakan satu angka yang memeranjatkan kita kerana ini adalah dianggap sebagai turn-over ataupun peralihan kakitangan yang biasa dalam mana-mana agensi atau pertubuhan kerana kita tidak boleh mengangap 100% akan terus berkhidmat selama-lamanya dengan mana-mana badan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan soal apakah PEREMBA dan beliau ingin mendapat tahu apakah yang akan dijalankan oleh PEREMBA. Izinkan saya jelaskan sedikit tentang PEREMBA ini ianya telah ditubuhkan pada 3hb Mei, 1979 dengan modal yang dibenarkan asalnya \$50 juta dan sekarang ini telah ditingkatkan menjadi \$80 juta. Ianya merupakan satu syarikat milik penuh UDA dan ia mempunyai ahli-ahli Lembaganya sendiri dan bertanggungjawab terus kepada Menteri dan juga Kementerian dengan kaitan-kaitan melalui repot berkalor kepada Lembaga Pengarah UDA. Tugas utamanya pada peringkat pertamanya PEREMBA ini mengambil alih semua syarikat-syarikat pembangunan harta yang dahulunya dimiliki oleh UDA dan sekarang ini PEREMBA sudah mengambil alih 32 daripada syarikat-syarikat pembangunan harta ini dan PEREMBA juga ditugaskan untuk mengesan prestasi tiap-tiap daripada syarikat ini dan merumuskan serta melaksanakan langkah-langkah yang wajar dan sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di dalam syarikat-syarikat itu terutamanya dalam projek-projek usahasama. Begitu juga PEREMBA ditugaskan meneliti peraturan-peraturan usaha-usaha yang ada untuk mengesan aspek-aspek peraturan itu dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan supaya penyertaan usahasama oleh UDA melalui PEREMBA itu adalah betul-betul berkesan supaya tidak timbul apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi di mana kita mempunyai equiti di dalam usahasama itu, tetapi tidak ada langsung suara di dalamnya dan tidak ada berkesan penyertaan agensi Kerajaan seperti UDA di dalamnya maka PEREMBA sedang meneliti perkara ini.

Begitu juga PEREMBA akan mewujudkan dan telahpun menyusun strategi untuk mewujudkan organisasi pengurusan yang benar-benar berbentuk komersial dalam operasi-operasi usahasama yang bercorak perniagaan iaitu di mana jikalau usahasama itu usahasama-usahasama komersial maka pengurusan mestilah berbentuk komersial supaya criterion perniagaan digunakan untuk meneliti sama ada berjaya atau tidak joint venture atau usahasama kita dengan swasta itu dan juga PEREMBA ditugas untuk mengesan, mengawal dan menguasai dengan rapi segala

operasi-operasi usahasama dan telahpun disiapkan oleh pihak PEREMBA proses menganalisa dan penelitian yang saya sebutkan tadi dan ianya sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki dan meneruskan di mana yang sesuai untuk membangunkan seterusnya aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalam usahasama tadi.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menegaskan supaya UDA meluaskan kegiatannya ke pekan-pekan kecil. Memang ini adalah di dalam rancangan UDA sejak ditubuhkan UDA sedang dan telah melaksanakan sebanyak 155 projek pembangunan tanah dan didapati hanya 30% sebenarnya daripada projek pembangunan tanah ini diadakan di Wilayah Persekutuan dan yang lebih lagi itu ialah di negeri-negeri lain termasuklah 30% daripadanya di bandar-bandar di dalam negeri-negeri di utara seperti Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan dan dalam Rancangan Malaysia Keempat seperti saya katakan tadi UDA akan meluaskan sahanya ke bandar-bandar kecil yang lain di negeri-negeri itu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telahpun menyentuh soal menambahkan perumahan di samping menambah ruang-ruang perniagaan. Memanglah ini yang akan dijalankan oleh PEREMBA seperti saya katakan tadi. Tentang equiti usahasama sama ada patut dijual balik kepada rakan atau diambil balik sepenuhnya oleh UDA, ini memanglah langkah yang sedang dijalankan sekarang di mana UDA ataupun PEREMBA di mana yang sesuai atau di mana yang berkaitan adalah diarahkan supaya menganalisa semula berkesan atau tidaknya pemegangan equiti di dalam usahasama ini dan di mana didapati pemegangan equiti itu tidak diteruskan usaha akan dibuat untuk diinvest atau menjual saham sama ada balik kepada rakannya yang asal atau kepada siapa juga yang hendak membeli, tetapi di mana perlu UDA meneruskan pemegangan equiti itu akan diteruskan. Saya bersetuju benar bahawa pemegangan equiti oleh agensi Kerajaan dalam mana-mana usahasama tidaklah hanya pada nama sahaja. Pemegangan equiti itu mestilah membayangkan kuasa untuk mengawal dasar usahasama tadi.

Ahli yang Berhormat dari Grik telah menyarankan supaya UDA diberi peruntukan yang banyak. Saya menghargai harapan Yang Berhormat itu dan juga sokongan beliau untuk UDA mendapatkan peruntukan. Tetapi inginalah saya menegaskan setiap usaha yang akan dijalankan oleh badan seperti UDA seperti juga agensi-agensi lain mestilah sejajar dengan keupayaan perlaksanannya. Tidaklah memadai kita memberi peruntukan yang banyak kepada mana-mana agensi Kerajaan hanya mendapati bahawa agensi itu tidak mampu, tidak berkeupayaan untuk menjalankan projek-projek dan saya akan berterima kasih jikalau kita dapat menimbangakan di antara kapasiti atau keupayaan dengan apa yang telah dirancangkan oleh agensi tadi dan sudah pasti jikalau keupayaan ada, peruntukan akan diminta dan saya percaya akan diberi kepada agensi-agensi seperti UDA.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah menyarankan supaya ditubuhkan Suruhanjaya khas untuk mengkaji UDA. Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu ditubuhkan satu Suruhanjaya khas untuk mengkaji prestasi UDA kerana seperti saya katakan tadi ini telahpun dibuat iaitu oleh kerana kajian prestasi UDA ini telah dibuat maka telahpun diwujudkan PEREMBA dan telahpun mewujudkan sistem-sistem pengesanan, telah diwujudkan beberapa peraturan-peraturan tertentu, sistem-sistem tertentu di dalam UDA sendiri untuk memastikan di masa akan datang prestasinya adalah sejajar bukan sahaja hasrat Akta Pembangunan Bandar yang hendak di pinda ini tetapi juga hasrat Dasar Ekonomi Baru kita. Jadi tidak payahlah ditubuhkan lagi Suruhanjaya itu.

Ahli Yang terhormat dari Dungun telah membangkitkan sama ada UDA boleh ber-usahasama dengan Majlis-majlis Ugama, namanya itu agak baik juga, UDAGAMA, iaitu nama baru, ini akan dipertimbangkan jikalau ada sesuai di tempat-tempat untuk

dibina bersama-sama dengan UDA dan Majlis Ugama. Ini mengikut keadaan, mungkin tanah itu tidak sesuai, tidak boleh hendak dibangunkan. Ada Ahli Yang Berhormat menyarankan mesti viable. Jadi berasaskan viability tidak boleh dikatakan, kalau ada tanah sahaja boleh kita develop atau dibangunkan, mesti viable.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab kali ini, apa-apa yang lain yang tidak saya sentuh, akan diambil perhatian, di mana-mana yang membina itu sudah pasti akan dijadikan panduan untuk prestasi pihak UDA dan juga pihak Kementerian. Sekianlah sahaja. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakna bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangakan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok, Jumaat, 17-10-1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.